



KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN INFORMATIK DAN MEDIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

KAMPUS PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS)

RECORD OF MANAGEMENT (IM246)

IMR 604: ORAL DOCUMENTATION

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN DAYANGKU INTAN BINTI TUNKU
ABDUL HAMID, MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG
PENYANYI VETERAN**

MUHAMMAD EKMAL BIN RAMLI

(2020818962)

NUR AISHAH BINTI MOHD NASIR

(2021112573)

SEMESTER OKTOBER 2022- FEBUARI 2023



اُيُتَمُورُ تَڪَنُورِي تِيَاكُونُ اَلْمَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN INFORMATIK DAN MEDIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA**

SHAH ALAM

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS)

RECORD OF MANAGEMENT (IM246)

IMR 604: ORAL DOCUMENTATION

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

**PUAN DAYANGKU INTAN BINTI TUNKU ABDUL HAMID,
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG PENYANYI VETERAN**

MUHAMMAD EKMAL BIN RAMLI

(2020818962)

NUR AISHAH BINTI MOHD NASIR

(2021112573)

SEMESTER OKTOBER 2022- FEBUARI 2023

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	1
PENGHARGAAN	3
SENARAI ABREVIASI	6
SENARAI NAMA	7
SENARAI RUJUKAN	8
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	11
1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA	11
1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA	12
2.0 BIODATA TOKOH	14
2.1 BIODATA TOKOH	14
2.1 PENGENALAN KEPADA TOKOH	15
3.0 SEJARAH LISAN	17
4.0 KAJIAN LITERATUR	22
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	27
5.1 BAHAGIAN I	27
5.2 BAHAGIAN II	50
5.3 BAHAGIAN III	55
6.0 LOG TEMUBUAL	88
7.0 RALAT	97
8.0 RINGKASAN	99
9.0 GLOSARI	101
10.0 INDEKS	108
11.0 BIBLIOGRAFI	115
12.0 LAMPIRAN	119

ABSTRAK
&
PENGHARGAAN

ABSTRAK

Satu temubual telah dijalankan bersama seorang penyanyi Malaysia yang dikenali ramai sebagai Dayangku Intan pada 8 Januari 2023 di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan selama 1 jam 55 minit. Objektif kajian sejarah lisan ini adalah untuk mengumpul, dan mentafsir, maklumat sejarah yang penting melalui sumber lisan dan didokumentasikan untuk dipelihara buat rujukan masa hadapan. Temubual ini dijalankan untuk mengetahui biodata, pendapat, pengalaman beliau dan juga dunia nyanyian itu sendiri dengan lebih mendalam. Penyanyi ini berasal dari Kampung Pandan dan terkenal dengan lagunya 'Semakin Rindu Semakin Sayang', 'Kita Insan Biasa' dan 'Senandung Hari Raya Untukmu'. Beliau meminati nyanyian sejak kecil dan telah memulakan kerjaya nyanyian sejak pada belasan tahun dan masih bergiat aktif sehingga kini. Melalui bakat dan nyanyian yang hebat, beliau berjaya menjadi seorang artis yang disanjung dan menempa nama di dunia seni. Dengan matlamat dan niat yang ikhlas, beliau juga gemar dalam membantu orang dalam kesusahan dan menegakkan sesuatu yang salah. Dayangku Intan merupakan seorang yang berani, berintegriti dan penyayang. Melalui intipati yang dikongsi dalam temu bual ini, diharapkan dapat menjadi rujukan yang berguna dan bermanfaat untuk masyarakat terutamanya golongan masa hadapan untuk mendalami dan menghargai para penyanyi dan seni muzik di Malaysia tidak kira dahulu dan sekarang.

Kata kunci: *Dayangku Intan, Penyanyi, Muzik, Pengalaman*

ABSTRACT

An interview was conducted with a Malaysian singer known to many as Dayangku Intan on January 8, 2023 at Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan for 1 hour 55 minutes. The objective of this oral history study is to collect, and interpret, important historical information through oral and documented sources to preserve for future reference. This interview was conducted to know her biodata, opinions, experiences and also the world of singing in more depth. The singer comes from Kampung Pandan and is famous for her songs 'Semakin Rindu Semakin Sayang', 'Kita Insan Biasa' and 'Senandung Hari Raya Untukmu'. She has been interested in singing since childhood and has started a singing career since she was teen and is still active today. Through her talent and great singing, she managed to become a respected artist and forged a name in the art world. With sincere goals and intentions, she is also fond of helping people in trouble and upholding something wrong. Dayangku Intan is a brave, integrity and loving person. Through the essence shared in this interview, it is hoped that it will be a useful and beneficial reference for the community, especially the future group to deepen and appreciate the singers and the art of music in Malaysia regardless of past and present.

Keywords: *Dayangku Intan Singer, Music, Experiences*

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Illahi kerana telah mempermudah segala urusan kami dalam menyiapkan tugas ini. Dengan berkat dan rahmatnya, akhirnya kami telah berjaya menyiapkan tugas mengikut masa yang telah ditetapkan. Dengan kesihatan yang baik juga, yang dikurniakan telah membantu kami untuk sentiasa ceria dan bersemangat untuk menyiapkan tugas ini, namun beberapa rintangan yang datang tanpa diduga juga dapat kami atasi dengan mendapat pertunjuk daripadaNya, sesungguhnya rintangan itu merupakan pembuka jalan untuk manusia terus berfikir bagi menyelesaikan segala masalah. Alhamdulillah syukur ke hadratMu Ya Allah.

Kami juga ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada kepada YM Tunku Intan Binti YM Tunku Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Dayangku Intan di atas kesudian beliau memenuhi permintaan kami untuk temubual bagi membolehkan kami menyiapkan tugas ini. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang proses temubual. Segala maklumat, pengalaman serta ilmu yang telah dikongsikan amatlah berharga untuk kegunaan kami pada masa hadapan. Perkongsian ilmu telah membantu kami untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan dengan latar belakang hidup beliau dan juga pengalaman beliau seorang penyanyi tanah air sekaligus mampu melahirkan pelapis anak seni untuk terus mengukir nama negara di persana dunia. Kami berasa bangga dan bersyukur kerana masih ada tokoh yang mempunyai pelbagai pengalaman dan berilmu yang mampu menjadi seorang penyanyi yang berinspirasi serta mampu menjadi *role model* kepada masyarakat. Oleh itu, semoga dengan perkongsian ilmu ini, mendapat keberkatan daripada Illahi dan berkembang bukan sahaja di dalam Malaysia malah diserata dunia.

Tambahan pula, tidak lupakan juga pensyarah bagi subjek IMR604 (Oral Documentation) yang amat kami sayangi, iaitu Encik Jafalizan bin Md. Jali di atas segala sokongan dan tunjuk ajar serta perhatian yang diberikan dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar daripada beliau, mungkin kami tidak akan dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Kami juga tidak lupa akan pengorbanan masa yang diberikan dalam membantu serta sentiasa memantau hasil kerja kami. Perkongsian ilmu yang diberikan dapat membuka minda kami untuk tidak patah semangat dalam menempuhi segala rintangan yang melanda. Terima kasih kerana sudi menerima kami sebagai pelajar dan sentiasa memberi tunjuk ajar yang berkesan sehingga

kami dapat mengetahui cara untuk menemuramah tokoh dan membuat transkrip dengan sempurna.

Selain itu, tidak dilupakan juga ucapan penghargaan ini kami tunjukan kepada seluruh anggota keluarga dan sahabat yang tercinta. Tanpa segala sokongan, dorongan serta galakan daripada mereka, tidak mungkin kami berada disini. Terima kasih kepada sahabat kami terutamanya Nurin Sabriana Binti Mustafa dan Nur Hidayah binti Hadi yang membantu kami sehingga proses temubual berjalan dengan lancar. Tidak kami lupa juga kepada Nadzirah Binti Bahtiar dan Nurul Akhma Syahira binti Che Wil dan rakan sekelas serta rakan serumah kerana telah banyak memberikan bantuan dan nasihat kepada kami. Nasihat serta tunjuk ajar daripada mereka telah sedikit sebanyak mengajar kami untuk mengenal erti kesabaran dan ketulusan. Namun kerahan keringat yang ditaburkan tanpa mengenal erti kepenatan tidak ditonjolkan demi melihat kami berjaya pada masa hadapan. Terima kasih semuanya. Malah kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua terlibat, samada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu kami menyempurnakan tugas ini. Melalui tugas ini juga, ia dapat memberi peluang kepada kami untuk mengetahui secara lebih mendalam berkaitan dengan latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh ini. Tanpa penyelidikan ini, sudah tentu kami tidak akan memperolehi ilmu daripada sesiapa.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI, NAMA, RUJUKAN

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN ABREVIASI	MAKSUD
BMW	Bayerische Motoren Werke GmbH
DJ	(disk) jockey
HUKM	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
NGO	Non Government Organisation
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Malaysia
PWTC	Putra World Trade Centre
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
TV	Televisyen
UMNO	United Malays National Organisation
VIP	Very Important Person

SENARAI NAMA

SINGKATAN	MAKSUD
DIA	Dayangku Intan Abdul
NAN	Nur Aishah Nasir
MER	Muhammad Ekmal Ramli

SENARAI RUJUKAN

PERKATAAN	MAKSUD
Ade	Ada
Ambik	Ambil
Ape	Apa
Bahase	Bahasa
Bawak	Bawa
Biase	Biasa
Dulu	Dahulu
<i>Funfair</i>	Pesta ria
Gini	Begini
Haduh	Aduh
Jage	Jaga
Je	Sahaja
Jugak	Juga
Jumpe	Jumpa
Kat	Dekat
Kate	Kata
Kene	Kena
Kite	Kita
Mane	Mana
Membukak	Membuka
Mintak	Minta
Nape	Kenapa
Ni	Ini
Pegi	Pergi

<i>Popular</i>	Terkenal
Rase	Rasa
Same	Sama
Sape	Siapa
Sian	Kesian
Suare	Suara
Suke	Suka
Tanye	Tanya
Terpakse	Terpaksa
Tu	Itu

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



NAMA	MUHAMMAD EKMAL BIN RAMLI
TARIKH LAHIR	29 JULAI 2000
TEMPAT LAHIR	TAPAH, PERAK
ALAMAT	102, JALAN LINTAS KEMAJUAN, TAPAH
EMEL	2020818962@student.uitm.edu.my malr9150@gmail.com
PROGRAM	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (IM246)

1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA

NAMA	NUR AISHAH BINTI MOHD NASIR
TARIKH LAHIR	13 APRIL 2000
TEMPAT LAHIR	KUALA KANGSAR, PERAK
ALAMAT	99-1-1, JALAN KANGSAR, KUALA KANGSAR, PERAK
EMEL	2021112573@student.uitm.edu.my aishahhnasir13@gmail.com
PROGRAM	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



NAMA	YM TUNKU INTAN BINTI YM TUNKU ABDUL HAMID
NAMA SAMARAN	DAYANGKU INTAN
TARIKH LAHIR	29 JUN 1966
TEMPAT LAHIR	KAMPUNG PANDAN, KUALA LUMPUR
ALAMAT	10-11, Jalan 1/1, Taman 1/1, Kuala Lumpur
EMEL	dayangkuintan@senikitastudio.com
PROFESION	PENYANYI

2.1 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Tokoh yang dipilih bagi melengkapkan kajian sejarah lisan ini ialah YM Dayangku Intan binti Tunku Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Dayangku Intan yang lahir 29 April 1966 merupakan seorang penyanyi dan ahli politik Malaysia. Dari kerjaya muziknya sekitar era 1980-an beliau terkenal dengan lagu 80-an "Semakin Rindu Semakin Sayang" kemudian pada 90-an "Berpaut Di Dahan Cinta", "Senandung Hari Raya Untukmu" dan dengan gandingannya bersama Jay Jay menerusi lagu "Kita Insan Biasa". Dayangku Intan merupakan salah seorang penyanyi wanita yang begitu popular pada separuh dekad akhir 80an. Terkenal dengan rangkaian lagu-lagu hits solo dan duet yang menjuarai carta radio-radio RTM malah pada tahun 1985, jualan albumnya antara terlaris di pasaran.

Keupayaan vokal serak basah Dayang dalam menyampaikan lagu-lagu berentak slow rock dan pop rock amat dipuji dan disifatkan lain daripada lain. Ketika itu nama Dayang sebaris dengan artis-artis wanita hebat yang lain seperti Francissca Peter, Sheila Majid, Ramlah Ram, Azlina Aziz, Rohana Jalil dan Zaiton Sameon. Beliau juga terkenal dengan lagu-lagu duet bersama penyanyi lelaki popular seperti Jay Jay dan Zainal Abidin.

Dayangku Intan aktif dan sering mengajur program-program belia dalam bidang seni. Pada Mac 2013, Dayangku Intan menganjur sebuah aturcara Seni Kita di Taman TAR, Ampang. Pertubuhan Seni Kita ini ialah untuk beri manfaat kepada rakyat terutama sekali kepada belia yang minat bidang seni untuk mempamerkan bakat-bakat mereka kepada masyarakat. Beliau pernah memegang jawatan Pengerusi Biro Bakti Pertiwi, Persatuan Bekas Polis Malaysia dan bekas Ketua Biro Kebudayaan dan Kesenian (Majlis Pimpinan Wanita Keadilan). Beliau bertanding sebagai calon PKR untuk Parlimen Pengerang, Johor pada PRU-13. Selepas Pakatan Rakyat dibubarkan pada 2015 beliau undur diri dari politik kemudian keluar dari PKR pada tahun 2018.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Seni dan kebudayaan adalah berkait rapat dimana seni termasuk dalam salah satu struktur kebudayaan (Nanang Ganda Prawira, nd.). Kedua-dua seni dan kebudayaan berkenaan dengan aktiviti sesebuah masyarakat dalam menggambarkan identiti mereka. Seni dimaksudkan sebagai sesuatu yang halus dan nyaman didengar dari segi suara (Kamus Dewan, 2005). Seni terdiri daripada hasil karya kreatif masyarakat dalam meluahkan perasaan, imaginasi dan identiti mereka seperti lukisan, muzik, drama, sajak, pantun, ukiran, tarian, kraftangan dan banyak lagi (Iqa, nd.; Nanang Ganda Prawira, nd.; Frank, 2004; Mohamed Imran Mohamed Taib, 2008). Seni dalam sesebuah masyarakat adalah penting dalam unsur penyatupaduan. Melalui Kamus Bahasa Melayu, kebudayaan atau budaya, ialah intipati kehidupan yang terdiri daripada kelakuan, pemikiran dan tindakan melalui aktiviti yang dicipta oleh sesebuah masyarakat seperti pemakanan, pemakaian, perayaan, kesenian, kesusasteraan, nilai etika dan lain-lain lagi (Shaliza Dasuki, Fazlina Mohd Radzi, Nurkhazilah Idris, & Nur Hasliza Abdulah, 2015). Dalam sesebuah masyarakat, kebudayaan amatlah penting untuk menaik taraf kehidupan mereka dari segi moral, dan integrasi (Nanang Ganda Prawira, nd.).

Di Malaysia, seni dan kebudayaan yang diterapkan dapat dilihat dengan jelas melalui pelbagai jenis kaum dan agama yang wujud. Seni dan kebudayaan adalah perkara yang penting di Malaysia berfungsi sebagai aktiviti yang mampu mengeratkan hubungan kemasyarakatan, memberi kecergasan dan meningkatkan kesihatan mental (Nik Noorlyha Nik Mohamad, 2014) dan untuk mengekalkan kesinambungan asal usul identiti masyarakat (Naqeuddin, 2017). Kemajuan seni di Malaysia juga sudah lama diterapkan sejak zaman dahulu melalui tarian, lagu, penulisan kreatif, filem dan sebagainya dimana ia dikekalkan sehingga sekarang sebagai tontonan generasi kini.

Kajian sejarah lisan ialah mengumpul, mentafsir, dan memelihara maklumat sejarah yang penting melalui sumber lisan iaitu menemuramah atau perceraian seseorang (Aditia Muara Padiatra, 2021). Menurut Seow Han Lin (2020), kajian lisan bertujuan untuk memastikan kesahihan sesuatu maklumat. Kajian lisan ini melibatkan tokoh atau seseorang dari pelbagai golongan yang hebat seperti menteri, penerus keturunan, pemimpin, guru besar, artis, dan orang biasa yang juga memiliki kepakaran atau maklumat dalam sesuatu bidang atau peristiwa yang penting untuk diambil tahu dan

direkod buat rujukan masa depan. Selain perceraian, maklumat juga dikumpul melalui dokumen yang dimiliki oleh seseorang tersebut seperti kertas, diari, sijil, surat, gambar, dan banyak lagi. Sumber primer ini adalah penting untuk dijadikan bukti yang dapat memberi kesahihan (Seow, 2020).

3.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji bagi memenuhi objektif-objektif yang berikut:

1. Untuk mengkaji latar belakang tokoh dengan lebih mendalam.
2. Untuk mengkaji pendapat tokoh terhadap industri seni muzik dan nyanyian dahulu dan sekarang.
3. Untuk mengumpul maklumat dan mendokumentasikan sejarah hidup untuk rujukan akan datang.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Muzik merupakan salah satu daya tarikan bagi kita yang mampu mengubah suasana keadaan. Muzik juga merupakan antara alat komunikasi secara tidak langsung dan itu merupakan antara kepentingan muzik. Seperti yang kita semua ketahui bahawa industri seni ini telah melahirkan ribuan artis tersohor sepanjang zaman di tanah air. Walaubagaimanapun, identiti artis yang pernah menjadi satu fenomena di zaman dahulu kian luntur di mata anak generasi muda pada hari ini. Kepentingan menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007) bermaksud ia adalah suatu yang penting demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah, memberi manfaat kepada orang ramai. Manakala sumbangan membawa maksud sesuatu yang diberikan sebagai sokongan ataupun bantuan kepada orang ramai (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Kajian penyelidikan temubual ini akan membincangkan beberapa kepentingan dan sumbangan dalam menjalankan kajian sejarah lisan ini terhadap individu, masyarakat dan industri muzik.

Sejarah lisan sememangnya sangat penting bagi individu yang menemubual untuk tujuan pengumpulan data kerana ianya dilakukan dengan cara berkomunikasi secara

terus dengan sumber primer dan juga menjadi bahan tambahan untuk penghasilan suatu kajian sejarah yang lebih mantap. Keadaan ini lebih cenderung membenarkan penemubual untuk membayangkan dan merasai keadaan sebenar yang dilalui oleh orang yang terlibat secara langsung. Kebiasaannya, penemubual adalah dari generasi baru yang ingin mengetahui kisah sebenar yang terjadi pada zaman dahulu. Oleh itu, sejarah lisan ini amat penting bagi generasi baru, khasnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru ini akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut. (Rozeman Abu Hassan, 2004)

Antara kepentingan kajian sejarah lisan tentang tokoh artis veteran yang dilakukan adalah untuk memperkenalkan dan menambah pengetahuan seseorang itu tentang individu yang telah lama menapak nama mereka di dalam bidang industri seni muzik dan nyanyian. Hal ini bukan sahaja memberi pengetahuan tentang seseorang itu malah seseorang itu boleh mengetahui serta merungkai tentang liku-liku perjalanan hidup seseorang artis veteran itu dalam bidang seni muzik dan nyanyian. Selain itu, kajian penyelidikan temubual sejarah lisan ini juga dapat membantu remaja generasi Z untuk memelihara dan memantapkan pengetahuan akan sejarah mereka. Melalui kajian yang dijalankan, ianya dapat memupuk jati diri serta mengajar individu itu agar tidak mudah berputus asa dan membantu dalam membuat keputusan jika mereka mahu menceburi sesuatu bidang itu terutamanya bidang seni muzik dan nyanyian. Kajian ini dijalankan secara langsung dapat membuka mata dan perspektif tentang jatuh dan bangun perjalanan tokoh artis itu. Dengan adanya kajian temubual sejarah lisan ini terhadap artis veteran tersebut, tokoh itu dapat dijadikan contoh dan *role model* buat mereka pada masa akan datang. (Khairunneezam Mohd Noor, 2009)

Selain itu, kepentingan dan sumbangan kajian temubual sejarah lisan terhadap tokoh artis veteran yang dilakukan oleh pengkaji kepada masyarakat pula berperanan untuk membawa dan mendorong masyarakat agar tidak melupakan kewujudan artis-artis veteran ataupun “Orang Lama” yang pernah aktif berkarya serta mengegarkan nama negara di mata dunia dalam industri seni muzik dan nyanyian dari dahulu hingga kini. Artis veteran yang kian dilupakan mampu menjejaskan periuk nasi mereka. Hal ini kerana adanya sikap segelintir syarikat produksi yang memperkotak-katikan artis veteran dan

menganggap mereka seperti tiada harga diri (Farihad Shalla Mahmud, Serimah Mohd Sallehuddin, 2021) Berdasarkan dengan kajian temubual sejarah lisan yang dilakukan tentang tokoh artis veteran tersebut, ianya bakal membantu untuk memelihara dan menyedarkan masyarakat bahawa generasi – generasi lama yang masih wujud serta bernilai sehingga hari ini. Dengan ini, golongan muda juga akan lebih menghargai permata- pertama seni yang berkilau dari dahulu sama seperti artis muda zaman sekarang ini. Oleh yang demikian, mereka juga dapat mengenali tokoh artis veteran dengan lebih mendalam dan memupuk minat dan sokongan terhadap mereka. Secara harifahnyanya, kajian penyelidikan ini memberi sedikit manfaat terhadap masyarakat serta dapat dijadikan sebagai rujukan dan tauladan kepada semua lapisan peringkat usia.

Akhir sekali, kepentingan dan sumbangan kajian penyelidikan temubual sejarah lisan artis veteran terhadap perkembangan industri seni muzik itu sendiri di tanah air kita. Seperti yang kita semua sedia maklum pada hari ini bahawa terdapat banyak pelapis atau artis dari generasi muda pada hari ini yang sedang menempah nama mahupun sudah menapak dalam bidang industri seni dan nyanyian, akan tetapi ada di antara kalangan mereka yang tidak mempunyai pengalaman dan ilmu yang mencukupi tentang muzik ataupun bidang lain yang ingin mereka ceburi. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan serta pendorong semangat mereka bagi meneruskan impian mereka di dalam bidang muzik dan nyanyian. Secara tidak langsung, adanya kajian penyelidikan temubual sejarah lisan ini dilakukan, sejarah, pengalaman, karya serta kenangan pahit dan manis artis veteran tersebut akan sentiasa akan diingati di dalam industri muzik dan nyanyian di tanah air kita dan ianya juga akan dipelihara dalam jangka masa yang lama.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 PENGENALAN

Tujuan kajian literatur adalah untuk mencari kajian-kajian lepas dalam mengkaji perihal kebudayaan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), ia adalah satu proses yang membawa kepada perbincangan dan ringkasan penyelidikan lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik yang relevan dan berkait dengan bidang penyelidikan. Dalam bab ini akan membicarakan tentang kewujudan seni di Malaysia, tinjauan kajian lepas berkenaan dengan perjalanan karier seseorang artis itu dalam industri seni muzik dan cabaran yang didapati semasa pendokumentasian kajian ini.

4.2 SENI DI MALAYSIA

Industri seni ialah industri terbesar dan bernilai diseluruh dunia yang khususnya memberikan hiburan kepada semua jenis lapisan masyarakat. Industri seni ini melibatkan golongan seni dan karyawan yang boleh kita mendapatkan faedah daripadanya jika ada satu usaha untuk menghimpunkan semuanya di bawah satu payung. Misalnya, pencipta lagu atau penulis lirik tidak kira berpengalaman atau baru boleh memasarkan karya mereka kepada wakil-wakil syarikat rakaman atau artis dari dalam mahupun luar negara.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007), mendefinisikan seni sebagai halus (kecil, elok), tipis dan halus. Seni juga boleh ditakrifkan sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakai hasil daripada sesuatu ciptaan. Kesenian pula dimaksudkan sebagai perihal seni yang berkaitan dengan seni, keindahan atau kehalusan. Seni adalah karya yang dicipta dengan berkat, iaitu hasil ciptaan sebuah karya seni halus yang mempunyai nilai keindahan dan memenuhi cita-cita berikan perminatkan rasa (Junaini Kasdan. 2018). Contohnya, lukisan, muzik, puisi dan arca.

Nyanyian merujuk kepada gubahan atau ciptaan muzik yang dilagukan dengan suara (Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007). Melalui nyanyian, kita akan memudahkan lagi proses pembelajaran kerana melodi yang dialunkan akan membuatkan seseorang itu lebih mudah mengingat sesebuah perkataan melalui bait-bait lirik lagu tersebut. Pelajar

akan lebih mudah menyebut, memahami dan menghayati sesebuah perkara yang ingin disampaikan apabila disertakan dengan muzik.

Filem adalah satu media yang popular di negara ini. Pada awalnya, industri filem tidak berkembang sebagai satu industri yang besar. Industri filem Melayu mula menampakkan tanda perkembangan pada tahun 1960-an. Apabila soal lakonan dibangkitkan, pastinya soal pelakon juga akan turut dibincangkan. Bagaimana seseorang pelakon itu mampu menjiwai sesuatu watak seringkali menjadi perbincangan dalam persoalan tentang lakonan. Bererti, lakonan berkait rapat tentang Teknik atau kebolehan seseorang menyampaikan peranannya di dalam sesebuah produksi (Normiha Suraya. 2019). Lakonan yang berkesan dikatakan harus bermula daripada hati.

4.3 KEPENTINGAN SENI DI MALAYSIA

Perkataan seni dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar iaitu mengenai suara, comel bentuk badan (Kamus Dewan, 2005). Sesuatu yang dikatakan seni pula adalah suatu bentuk karya seperti pantun, ukiran, muzik dan lain-lain lagi yang dicipta dengan bakat yang tersendiri. Perkataan 'seni' jika ditambah dengan imbuhan 'ke' (awalan) dan 'an' (akhiran) membentuk perkataan 'kesenian' yang membawa pengertian yang lebih luas lagi iaitu perihal seni, yang berkait dengan keindahan dan ketelitian penciptaan sesebuah karya seni tersebut. Kesenian telah menjadi identiti dan amalan yang amat penting kepada kebudayaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sejak turuntemurun lagi. Dengan kepelbagaian amalan kesenian dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini, identiti masyarakat Malaysia yang bersifat multikultural lebih terserlah dan dikenali ramai.

Di antara kepentingan bidang seni ini adalah sebagai aktiviti riadah masyarakat. Masyarakat kita memang gemar beriadah khususnya apabila waktu kelapangan. Bagi masyarakat yang tinggal dikampung, masa senggang mereka diisi dengan aktiviti-aktiviti riadah seperti tarian, silat, muzik dan sebagainya. Mereka mempelajari sesuatu tarian bukan sahaja untuk tujuan keriangannya sebaliknya mengisi masa lapang selain menjalin hubungan sesama mereka. Keadaan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan komuniti mereka.

Dari sudut ekonomi, aktiviti seni juga tidak kurang penting sumbangnya. Perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri seni adalah salah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Misalnya, di Amerika Syarikat, industri ini telah menyumbang sebanyak USD\$3 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam perspektif ekonomi dan sosiobudayaMalaysia, industri kreatif telah memberi sumbangan sebanyak RM9.4 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2008 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa. Justeru, amat penting industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang komprehensif (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005).

4.4 KEPENTINGAN SENI DIDOKUMENTASIKAN

Menurut Paul Augustin (CENDANA, 2021) yang merupakan pengasas Penang House of Music menyatakan bahawa mendokumentasikan muzik dan proses kreatif mempunyai kepentingan di masa hadapan. Antara kepentingannya adalah memudahkan penggiat seni untuk merujuk karya yang mereka telah lakukan di masa lampau. Dengan cara ini mereka boleh melihat perkembangan dari segi sejauh mana mereka telah capai, dimana ia boleh menjadi sumber galakan untuk penggiat seni itu sendiri. Dengan adanya dokumentasi ini, penggiat seni boleh melihat aspek-aspek yang telah diperbaiki dan aspek mana yang memerlukan mereka untuk bekerja lebih lagi. Selain itu, kepentingan mendokumentasikan seni adalah penggiat seni dapat belajar lebih banyak mengenainya. Hal ini membuatkan mereka mempunyai kefahaman yanglebob tinggi mengenai karya seni mereka. Malah, dengan adanya pendokumentasian ini akan membolehkan penggiat seni lain belajar di masa hadapan (Chin Jian Wei, 2022).

Pada zaman dahulu, hanya kertas satu-satunya cara untuk mendokumentasikan kerjaya pengiat seni. Namun di zaman ini proses digitalisasi telah mengubah cara kita membuat pekerjaan. Dokumentasi muzik tidak pernah menjadi satu hal yang mudah. Ramai pemuzik baru telah memuat-naik muzik mereka di laman sosial media. Namun, adalah penting untuk sedar tentang beberapa perkara iaitu mereka harus sentiasa

berjaga tentang jangka hayat atau batas waktu penyimpanan digital. Jika dokumentasi muzik seorang penggiat seni disimpan dalam komputer atau di dalam sebuah pemacu keras, anda mungkin berpotensi kehilangan data jika perkakas tersebut rosak atau hilang. Perkakas sememangnya akan dimakan waktu. Jika anda menyimpan salinan fizikal lirik lagu/ tulisan muzik, pastikan ia disimpan di tempat yang selamat untuk beberapa tahun mendatang (Chien Jian Wei, 2022)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

5.1 BAHAGIAN I

NAN: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman seorang tokoh dalam bidang Pendokumentasian Sejarah Lisan. Bersama-sama kami ialah Yang Mulia Tunku Intan Binti Yang Mulia Tunku Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Dayangku intan yang merupakan seorang penyanyi terkenal di tanah air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 8 Januari 2023 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 2 petang ber-bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Aishah Binti Mohd Nasir dan Muhammad Ekmal Bin Ramli. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Boleh *auntie* [Makcik] terangkan latar belakang diri *auntie*?

DIA: Bismillah, Assalamualaikum kepada pendengar dan juga perakam (ketawa). Latar belakang saya ini saya selalu dikenali sebagai Dayangku Intan tapi itulah nama kelahiran saya Dayangku Intan, tapi sebenarnya disebalik Dayangku Intan tu ramai yang bertanya *even* [walaupun] saya pernah di-direkodkan dalam *Time magazine* [majalah Time] mengenai keturunan latar belakang sayalah. Saya sebenarnya- kenapa orang tanya? Dayangku Intan dan sekarang pula Tengku Intan. Saya sebenarnya berasal dari-- bapa saya berasal daripada Kedah, Tengku Abdul Hamid ini kerabat diraja Kedah iaitu bapa kepada ayah saya ni Tengku Hamid ini Tengku Abdul Hamid ini iaitu Tengku Tan Sri Ismail yang pernah menyandang sebagai Menteri Besar Kedah. Tak silap saya yang kedua tak silap saya. Ha yang kedua dan Tunku Abdul Rahman adalah sepupu kepada atok [atuk] saya. Waktu itu mendo-- sebagai perdana menteri Malaysia yang pertama jadi itulah kenapa saya ini ditukarkan kembali kepada Tengku Intan dan saya Dayangku Intan itu latar belakang dan mak- mak saya pulak berasal dari- dibesar- berasal daripada Gombak. Gombak, ayah saya di Kedah. Di Gombak, ibu saya ini ini, kalau nak ikut latar belakang dia panjang jugalah jadi kami-- itulah mak saya daripada - ,

bapa saya Tengku Hamid dan lahirlah saya di Kampung Pandan. Di Kampung Pandan itu daripada kecil saya dibesarkan dengan penuh kasih sayang ibu bapa saya sehingga saya berumur sembilan tahun saya sudah mulakan karier saya. Jadi itulah latar belakang saya.

NAN: Sekarang, berapakah umur *auntie*?

DIA: Oh, sekarang umur *auntie* lima puluh tujuh [57 tahun]. Tak sabar nak ke enam puluh [60]. Kan. Hahahaha (ketawa)

NAN: Bilakah *auntie* dilahirkan?

DIA: *Auntie* dilahirkan pada dua puluh sembilan haribulan empat 1966 [29.4.1966].

NAN: Bolehkah kami tahu *auntie* anak keberapa?

DIA: *Auntie* anak yang ketiga.

NAN: Daripada?

DIA: Daripada- anak yang ketiga daripada?

NAN: Berapa orang? Semua.

DIA: Berapa orang? Empat. Kalau satu emak satu bapa, empat lah. Kalau tidak, ramai.

NAN: *Auntie* ada-nama panggilan tak dekat [di] rumah?

DIA: Ada. Nak tahu nama panggilan? Tete. *That's my-my childhood* [itulah zaman kanak-kanak saya]. Hahaha

NAN: Boleh *auntie* eja tak nama? Ejaan dia macam mana?

DIA: Tak tahu lah *auntie*. Diaorang semua panggil Tete-Tete-Tete tapi mungkin *call* [panggil] intan payunglah *my mother always sings a song* [ibu saya selalu menyanyikan lagu] Intan Payung.

NAN: Kalau dekat tempat kerja pulak ada tak nama panggilan?

DIA: Nama panggilan *auntie* memang Intan. Diaorang akan panggil *auntie* Intan.

NAN: Sekarang *auntie* menetap dimana?

DIA: Sekarang *auntie* menetap Insya-Allah sepenuhnya di Negeri Sembilan.

NAN: So [jadi] berkerja sebagai?

DIA: *Auntie* sebagai buat masa sekarang ini bekerja sebagai memang *auntie* masih lagi menyanyi dan *auntie* jugak [juga] ada aktiviti-aktiviti sukarela-wan yang *auntie* ikutlah bermakna *auntie* takda [tiada] terhad untuk diri *auntie* kalau sukarela itu *auntie* akan akan buat apa-apa saja [sahaja] kalau hari ini *auntie* kena tolong orang apa potong rumput *auntie* potong rumput lah kalau hari ini *auntie* kena buat yang ini *auntie* suka *I-I-I like to do whatever* [Saya suka melakukan apa sahaja kerja] bantuan yang sukarela yang *auntie* nak buat haa macam tu.

NAN: Yang sukarela tu selalunya *auntie* ikut organisasi ke?

DIA: Kadang-kadang *auntie* ikut organisasi kadang-kadang *auntie* berjalan secara sendiri maksudnya kalau kadang-kadang organisasi *auntie* pernah dulu [dahulu] mengikut dengan membantu anak-anak di Raudatul Sakinah dan *auntie* juga ada membuat membantu pada ibu-ibu yang mana- kadang-kadang kita ini perlukan meluahkan perasaan *auntie* pernah dan *auntie* pernah ada *experience* [pengalaman] menjaga ibu yang mengidap penyakit *Alzheimer* yang hilang ingatan so *auntie* selalu pergi ke hospital HUKM [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] *auntie* tengok keadaan dan situ dan *auntie* juga kadang-kadang suka meluangkan masa bersama merekalah untuk sembang keluarga diaorang [mereka] dan ani- *auntie* pula banyak selalu di hospital sebab *auntie* mempunyai anak yang lahir yang mempunyai masalah hati *which is* [iaitu] *Biliary Atresia* (Atresia Hempedu) so kehidupan dia dari lahir hingga ke akhir hayatnya banyak ke hospital so bila *auntie* dekat hospital *auntie* ambil tahu banyak mengenai penyakit ubatan keadaan so *auntie* tolong juga lah kalau ada dekat situ orang yang ingin sokongan atau

banyak *auntie* kongsi pengalaman *auntie* orang kata sambil kita memujuk kita pun terasa dipujuk haa macam tu.

NAN: Boleh ke *auntie* kongsi hobi yang *auntie* minat?

DIA: Oh. Hobi yang *auntie* minat mestilah menyanyikan (ketawa). Selain daripada menyanyi *auntie* suka memasak *auntie* suka juga - sebab tu sekarang ini *auntie* memilih tinggal di kampung sebab *auntie* ini suka keadaan yang bebas dimana *auntie* suka binatang *auntie* suka pokok-pokok *auntie* suka tanam [tanam pokok] membela [bela binatang] macam itu lah *interesting* [menarik].

NAN: Yang binatang tu?

DIA: Oh, binatang- binatang *auntie* kalau kita duduk di bandar kita terhad kita cuma boleh bela kucing *even* [walaupun] anjing pun terhad dari mana *auntie* di kampung sekarang *auntie* jugak mempunyai anjing dulu *auntie* mempunyai kucing sembilan [9] ekor *Maine Coon* [jenis kucing] besar-besar [besar-besar] so *auntie* pernah bela burung *auntie* pernah bela kera macam-macam tapi di bandar (ketawa) ia [tidak] boleh sebab dekat kampung saya ada benda macam itu tanpa saya bela tanpa *auntie* bela maknanya *auntie* kalau dekat rumah *auntie* itu *auntie* ade kalau kita panggil monyet *Dusky Leaf* itu diaorang panggil apa dik? [adik] dia ada bahasa Melayu dia *Dusky Leaf* apa dia panggil (berfikir) yang mata dia putih itu rumah *auntie* ada ungka- cheetah (celahan dari anak lelaki tokoh) macam itu bukan cheetah hari itu ada orang panggil nama dia *auntie* ada kera, beruk memang banyak lah tapi *auntie* lotong di kawasan rumah *auntie* itu juga *auntie* pernah nampak tapir datang ke laman *auntie*- suka binatang so itu lah hobi-hobi *auntie* so *maybe one day I dont know!* [mungkin suatu hari saya tidak tahu!] mungkin *auntie* pernah cakap

dengan *auntie find me* [cari saya] yang *affordable* [murah] kamera yang *auntie* rakam atau ambil gambar macam-macam kalau belalang ke burung ke *auntie* akan dapat macam-macam.

NAN: Gambar tu *auntie* simpan lah?

DIA: *Auntie* akan simpan (teruja) *I like it* [saya sukannya] bebas sebab rumah *auntie* itu berapa kali burung masuk *auntie* kitaorang [kami] dapat tangkap kita akan lepaskan macam burung murai yang bunyi sedap itu pun ada masuk burung punai banyak kali kalau kita tengok bab binatang yang nak pupus macam *Spinyturtle* [kura-kura duri] pernah masuk rumah kita. Haa ini musim sejuk ini dia akan turun musim kering antara angin yang akan turun zapp (bunyi motorsikal) kami akan lepaskan. Kalau kala jengking itu *you* [awak] tengok sebesar tangan kita lah besar *thats how* [seperti itu] di kampung *the* [itu] banyak kehijauan an.

NAN: Topik rakan karib *auntie* pula. Adakah *auntie* mempunyai rakan karib ketika kecil sehingga kini?

DIA: Ada- *auntie* selalu cakap dengan ini tolak ibubapa la *of course* [sudah tentu] emak *auntie* adalah seseorang *auntie* banyak bercerita bersempang hingga ke walau waktu dia sakit pun (tegas) *auntie* ada masalah *and still* [masih] pergi dekat riba *my mother I talk to my mother* [ibu saya untuk saya bercerita kepada ibu saya]. Kawan karib *auntie* yang kedua adalah *my sister* [adik saya] lah Tunku Ija dia memang sampai sekarang aa adik Tunku Ija dan sekarang ni yang paling akrab *of course* lah suami saya (senyum). Suami saya tempat kita marah (ajuk) tempat kita nangis mengadu tempat kita gelak bergurau dan juga *family* [keluarga] lah.

NAN: So rakan karib *auntie* adalah *family auntie* jugaklah.

DIA: Ouh yes *family* [ya keluarga]. *Family* dekat luar (berfikir) *so far* [buat masa ini] tidak ada lah kawan yang disayang ramai pim pim (hon kereta) kawan sahabat rapat kawan yang kita gelak ketawa ramai kawan-kawan kita.

MER: Boleh saya tahu berapa umur mak ayah *auntie* sekarang?

DIA: Kalau dia mereka masih ada?

MER: Iya

DIA: Kalau masih ada huh (tarik nafas) *hundred* [seratus] saya rasa waktu diaorang meninggal pun mak *auntie* umur lapan puluh tu-juh [87] ayah *auntie* dalam lapan puluh [80] macam itu.

MER: Bolehkah *auntie* kongsi nama adik-beradik *auntie*?

DIA: Kakak saya yang sulung Nursiah Habib yang kedua Tunku Shahrul Hija dan *auntie* lah Tunku Intan dan yang-yang meninggal ya *my younger sister* [adik perempuan bongsu saya] sudah meninggal Dayangku Nilam.

MER: Boleh saya tahu berapa umur adik-beradik *auntie* sekarang?

DIA: Yang sulung oh, yang sulung dekat enam puluh lebih *not sure* [tidak pasti] enam puluh lebih Tunku Ijah *slightly older than me one year which is fifty eigh I think so I nineteen sixty-five* [hampir tua berbanding saya iaitu 58 saya rasa begitu saya 1965] hahaha ketawa) nanti awak kira balik. Yang *youngest* [bongsu] itu kalau dia masih ada umur dia *maybe* [mungkin] dalam lima puluh--- lima puluh empat [54].

MER: Boleh kami tahu di mana adik-beradik *auntie* tinggal sekarang?

DIA: Oh, mereka semua di Kuala Lumpur.

MER: Ada tak ahli keluarga *auntie* berkecimpung dalam bidang nyanyian?

DIA: *In my own* [dalam saya punya] keluarga *auntie* sorang [seorang] sahaja. Hm (ketawa) manis kan awak *auntie* gigit tangan itu nanti hmm (penemubual kedua ketawa).

NAN: Boleh *auntie* ceritakan latar belakang pendidikan *auntie*?

DIA: Pendidkan *auntie*. *Auntie* sekolah Tiong Hwa sekolah cina daripada darjah satu [1] hingga enam [6] penuh bila *auntie* masuk ke tingkatan satu *auntie* masuk sekolah cina jugak tapi dia cuma satu aliran sahaja bahasa cina dan selainnya bahasa Malaysia sampai ke tingkatan tiga [3] sebab *auntie* ini minat menyanyi sebab masa itu ada SRP [Sijil

Penilaian Rendah] tidak silap *auntie you all* [awak semua] sudah tidak ada kan *my time is* [masa saya adalah] SRP so *auntie* mula suka menyanyi so *auntie* taknak [tidak mahu] bersekolah *auntie* ini seorang anak yang degil dan manja *auntie* suka menyanyi *auntie* minat selepas itu bila *auntie popular* [terkenal] baru *auntie* rasa pelajaran itu juga penting tapi bila kita nak belajar ini umur tidak terhad jadi *auntie* balik balik belajar daripada situ lah *auntie* masuk *colleague* [kolej] belajar apa yang *auntie* ambil seterusnya lah.

NAN: Di sekolah rendah matapelajaran apa yang *auntie* suka?

DIA: Paling suka (teruja) *I like mathematic* (saya suka matematik).

NAN: Kalau bolehkan, *auntie* kongsi kenangan manis di sekolah rendah?

DIA: Di sekolah rendah? *best* [seronok] *you all* pon mesti ada kan. Sekolah rendah ini sebab *auntie* dikelilingi kawan bangsa cina jadi bila *auntie* dekat rumah di kawan-kawan semua orang melayu kita kan bila *auntie* sekolah *auntie* akan ber semua di kelilingi orang cina. Ada bezanya aa bezanya orang melayu kenakalan waktu kecil dia lain bila saya di sekolah kenakalan bangsa cina lain tapi kami bersahabat itu sama kawan itu orang kata kasih sebagai kawan itu sama lah tapi bezanya teng teng (bunyi telefon tokoh) kalau jap eh [sekejap ya] [celahan suara suami tokoh] boleh *cut* [potong] kan okey kita sambung balik *auntie* bersekolah dengan anak-anak cina ini buas, buas dia ini lain so kitaorang kenangan itu adalah suka baling macam mana eh mengacau tidak malu lah nak cerita kenakalan itula haa kita kacau cikgu kadang kesian kesabaran guru ini masa kami eh tiada masa sekarang, sekarang saya tidak tahu agak berbezalah sebab sekarang sebab mak dulu *famliy* dia akan lepas kepada guru tanggungjawab guru di sekolah aa jadi kalau kena marah kena pukul kena untuk atas kebaikan guru mengajar dan anak-anak jadi *auntie* sebagai ibu sebagai juga dulu bercerita kisah *auntie*. Ouh kalau kitaorang dulu

DIA: *Auntie* ingat nama dia tapi lelaki lah juri-juri RTM. Waktu itu peringkat awal ha, yang nama popular juga tapi *auntie* tak nak sebut.

NAN: Bila uji bakat tu dilakukan?

DIA: Uji bakat tu tahun tujuh puluh [70] an *auntie* rase masa itu tujuh puluh [70] an lah.

NAN: Di mana uji bakat tu dilakukan?

DIA: *Auntie* tak lepas. Peringkat pertama tu *auntie* kata. Suara bunyi ayam kokok (ketawa).

NAN: Apa perasaan *auntie* waktu uji bakat itu?

DIA: *Auntie* cakap “kenapa *auntie* tak menyanyi eh? So *auntie* kata “mungkin suara aku-ade orang suara lagi baik daripada aku” tapi *auntie* cakap “takpe (bunyi kereta), suatu hari nanti aku akan jadi seorang penyanyi” *auntie* cakap.

NAN: Waktu uji bakat itu ada tak artis lain terlibat juga?

DIA: Tak ingat *auntie*, mungkinlah ada yang dah popular sekarang tapi- sebab masa uji bakat tu dia tak ada uji bakat *you* kat situ kiranya nyanyi macam Malay- American Idol [rancangan uji bakat menyanyi di America] punya tu, *you sing, you feel, you out* [awak nyanyi, awak rasa, awak keluarkan] *auntie* tak duduk kat situ tengok sebab sedih la kan. Itu la.

NAN: Apakah nama syarikat rakaman yang telah menawarkan kepada *auntie* untuk jadi artis naungan mereka?

DIA: *Auntie* pernah di Johor Bahru ya dimana *auntie* naik disitu (bunyi anak tokoh batuk) *auntie* masa tu pernah *audition* [uji bakat] dengan EMI [syarikat rakaman di Malaysia]. S.Atan masa itu tengok *auntie* nyanyi tapi waktu itu dia nak *auntie* solo tapi *auntie* dengan *band* [kumpulan]. So *auntie* ini kita ini kan *group* [kumpulan], mana nak berpecah kan so *auntie* tak nak. So bila *auntie* balik Kuala Lumpur, apabila *auntie* sudah bercerai, *auntie* cerita itu masa itu masih bersuami, *auntie* dah bercerai, *auntie* dah solo terus *auntie*- Omar Taib yang bersama S. Atan *audition auntie* itu cari *auntie* di Kampung Pandan *I don't know how he found me* [saya tak tahu bagaimana dia jumpa saya]. Saya ingat lagi masa tu Ayai, penyanyi Ayai *you* tahu kan? Yang menang-

MER: GV.

DIA: Ayai yang pertama. So Ayai, Ilusi, kumpulan Ilusi. Dia datang rumah *auntie I don't know how* [saya tidak tahu bagaimana] dia jumpa apa semua *auntie* buat rakaman dengan Omry Record. Omry Record tu yang buat- O-M-R-Y, dia masa tu bersama Omar Taib, Omar Taib. Omar Taib ni yang buat lagu "Bila ku kenang ku renung gambar wajahmu (menyanyi)" ha, dia buat lagu itu so dia yang ambil *auntie* so kita buat album dengan dia

lah daripada situ lah titik permulaan *auntie*. Album yang kedua, S. Atan. Omar Taib tu *legend* [lagenda] dah meninggal dah itu. Dia buat lagu semua sedap-sedap.

MER: Boleh *auntie* ceritakan tentang album single yang pernah *auntie* keluarkan?

DIA: Album single? Ini baru pertama kali *auntie* buat single lagu 'Rintihan Pengorbanan' ini yang diciptakan oleh anak *auntie*. Itu lirik itu mengenai kita wanita ha yang akan menjadi ibu yang kita harungi orang perempuan lah 'Rintihan pengorbanan' *its all about me* [semua tentang saya]. *I think* [saya fikir] kita ni perempuan semua sama sahaja yang kita lalui cuma ceritanya berbeza kan ada orang beranak *operation*- [pembedahan], macam-macam, betul tak? Sama sahaja ha, jadi lagu tu 'Rintihan Pengorbanan' tu adalah pengorbanan kita wanita.

MER: Bagaimana lagu *auntie* waktu ketika dahulu dipromosikan?

DIA: Oh, tak macam sekarang (sedih). Zaman *auntie* lain tau, kitaorang kena naik RTM tu turun teksi tak boleh naik atas ya RTM kita kena jalan kaki, kita kena jumpa *all the DJ* [berjumpa dengan semua penyampai radio] bagitahu ini lagu kita. So kita kena buat persembahan di kompleks-kompleks satu malaysia di radio satu malaysia. *Not*- sekarang senang nak popularkan lagu, dahulu takde Spotify [aplikasi muzik] dahulu takde *phone-phone* [telephone] ini ha nak kena keluar popular, *magazine* kena ambil gambar muka masa itu ha *posing* pon menggeliat la macam- macam-macam lah ular pon ada. Nak ambil gambar kan ha, *that's how you want to be popular* [itulah cara bagaimana awak nak menjadi popular].

MER: Lagu Rintihan rindu itu mengisahkan apa?

DIA: Lagu apa?

MER: Rintihan rindu.

DIA: 'Rintihan Pengorbanan'.

MER: *Sorry*, 'Rintihan Pengorbanan'.

DIA: 'Rintihan Pengorbanan'- itu mengisahkan- mengisahkan pengorbanan wanita dan *it's about me* [tentang saya] lah ape yang *auntie* harungi, lalui. Orang kadang tengok kita senyum sahaja, orang tak tahu kita dalam hati macam mana.

MER: Adakah lagu zaman dahulu mempunyai muzik video?

DIA: Dahulu? Dahulu *when you release an album* [bila awak meriliskan suatu album], *you* kena ada muzik video. Tak boleh tak ada. *You* kena ada. Sebab itu kos dulu tinggi ha, muzik video dahulu tak boleh buat sendiri-sendiri macam kita buat ni. Kan? Macam sekarang ini *you all* nak rekod ma- *auntie* buat muzik video boleh nyanyi lagu kan sini penuh perasaan dahulu tak boleh, dahulu ada *special light, you got special camera* [lampu istimewa, awak ada kamera istimewa], *you* kena ada *special editing after that* [suntingan khas selepas itu] ha rekod *angle* [sudut] tu *angle* ni. Kes satu lagu tu makan dua [2] hari tiga [3] hari kadang.

MER: Siapakah komposer yang *auntie* pernah bekerjasama waktu ketika dahulu?

DIA: *Auntie* pernah bekerja dengan Omar Taib, Suriabuti, aun- apa ni? Jay Jay, Ramli Sarip, siapa lagi eh? Ramai lah itu lah nama *auntie* ingatlah. (Celahan dari anak tokoh) Ha S. Atan, eh, marah dia kang Atan. S. Atan.

MER: Bagaimana penerimaan masyarakat pada ketika itu? Bila *auntie* mula bernyanyi.

DIA: Wei. Zaman dahulu lain. Zaman dahulu kalau tengok *you* pakaian lain macam diaorang punya tegur itu kira dahsyat lah sekarang *of course* [sudah tentu] lah sekarang (berdecik) ada ini kan direct, [langsung] macam dulu dia *sent letter* [hantar surat], dia hantar surat, zaman *auntie* hantar surat kenapa begini kenapa itu ha. Tapi *auntie* so far takde kontroversi yang teruk lah. *Auntie* ini, *you* tengok biasalah daripada dulu sampai sekarang macam ini kalau *you* tengok Youtube [aplikasi], *my dress* [baju saya], *my* itu-sama semua sama.

MER: Bagaimana untuk mengetahui bahawa album tersebut popular pada zaman *auntie*?

DIA: Zaman itu? Kita tengok carta minggu ini, carta radio minggu ini ha lepas itu reporter semua cari *you* (mengetuk meja) nak ambil gambar muka *you*, *crown of front page* [sebagai muka depan] ha macam tu kan. Itu *you* tahu *you* popular lah. Lepas itu *sales* [jualan] *you* naik, *you* akan dapat *gold* [emas], dahulu nak dapat platinum susah, dapat gold itu pon kira dah dahsyat lah ha, macam itu lah, *auntie* dapat gold en *you* tahu dah *you* punya album dah jual banyak lah.

MER: Bagaimana bayaran nyanyian yang *auntie* terima pada ketika itu?

DIA: Uhm, auntie bayaran masa tu tinggi, memang tinggi kitaorang kalau you talking about funfair, tak lah. Funfair ade tujuh ratus [700], lapan ratus [800], seribu [1000], dua ribu [2000] a- lapan [8] tapi *auntie* punya konsert maksud *auntie* kalau *auntie* buat persembahan empat puluh lima [45] minit, *only me*- [hanya saya] *so at that time* [jadi pada masa itu] harga dia dua puluh ribu [20,000] ke bawah tak- tak boleh 15,000 ke atas macam itu lah tapi kita akan datang dengan *band*, kita akan datang tapi tak sekarang ikut lagu macam kita dahulu empat puluh lima [45] minit itu tak kesah berapa lagu kalau sekarang dia kata berapa lagu "*this is the amount*" [ini adalah jumlahnya] ha. Perbezaan dia lah.

NAN: Okey, adakah *auntie* pernah mengeluarkan album duet?

DIA: Ada, album takde tapi auntie di album *auntie*, *auntie* ada jemput macam Hail Amir, bersama *auntie* di album yang kedua [2], macam Jay Jay di album yang keempat [4] ha macam itu lah.

NAN: Bagaimanakah *auntie* mendapatkan keserasian dengan mereka? (bunyi kertas diselak)

DIA: (melegakan tekak) Auntie serasi ini *I don't judge* [saya tak menilai] orang itu. I jumpa *you* sekarang itulah *you*. So bile you balik, *you* baliklah I pon balik. *Auntie* punya tu- *so I don't judge* "Kau ni teruk lah" macam ini "macam mana aku nak kerja dengan kau" ini ha tak- takde. Kalau ada pon auntie simpan lah bohong la takde kan. Ada aun- aunt- *auntie* buat tak tahu sahaja la. Ha itu nasib la kan (ketawa) ha macam itu.

NAN: Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap lagu duet *auntie*?

DIA: Lagu itu disukai sampai sekarang *its more than twenty* [20] *years* dah, 'Kita Insan Biasa'. *In fact* [sebenarnya] lagu dengan Hail Amir pula sekarang ini yang orang suka, duet lagu tu. Padahal dahulu itu lagu *auntie* nak *push* [naikkan], susah. Penerimaan orang kan. Abang Hail Amir dengan Dayangku Intan ha susah tapi sekarang lagu itu pula orang suka. Lagu Jay Jay itu memang la, masa nampak muka *auntie* je suruh *auntie* nyanyi lagu itu *auntie* pon- (pasrah).

MER: Sudikah *auntie* berkongsi pengalaman ketika *auntie* dalam bidang nyanyian?

DIA: berkongsi?

MER: Pengalaman.

DIA: Pengalaman? dengan siapa? Semua?

MER: Semua.

DIA: *Yeah I would* [ya, saya akan] (bunyi enjin motor). *I don't mind share* [saya tak kisah berkongsi]. *I don't mind-* [saya tak kisah] kalau apa yang *auntie* tahu, *auntie* akan ikhlas-kadang-kadang penyanyi macam anak-anak *auntie* atau sesiapa apa yang *auntie* rasa *you are good but you-you know how to control this* [awak bagus tapi awak tahu cara untuk kawal ini], *auntie* akan ajar. *Auntie* akan bagi apa yang *auntie* tahu ikhlas daripada *auntie* so *auntie* takkan kedekut ilmu. Oh, sini habis pukul lima [5] eh? [merujuk kepada waktu buka perpustakaan]

MER: Bagaimana perkembangan kerjaya *auntie* ketika pandemik covid-19?

DIA: Okey, kalau dulu kita covid-19, kita tak boleh buat show [pertunjukkan] kan tapi sekarang kan kita boleh nyanyi dekat ig [aplikasi Instagram]. Tapi kita tengok orang tak berani buat, sebenarnya sekarang orang baru pandai bagi ros la bagi itu la bagi ini-mungkin *do it at home* [lakukan di rumah] tapi perkembangan *auntie*, *auntie* sebenarnya banyak tolak show. Tolak show itu bukan *auntie* sombong nak bayaran tinggi ke apa tapi *auntie* tak suka kalau pergi show, orang yang nak ambil *auntie* tawar harge [harga]. *For example* [sebagai contoh], dia nak ambil penyanyi yang terkenal sesiapa lah kita *mention* [sebut] JJ ke Ramli, ke dia bagi dia punya harga. "Saya nak ambil Dayangku Intan menyanyi sebagai inilah saya nak bayar banyak ini" (hentak meja dengan perlahan) so *auntie* akan tolak itu. *Because you* [kerana awak] kena hargai kita punya- kalau *you* beli ayam atau sayur, sayur itu dah ada harga kan nanti *you* minta kurang. Tapi sekarang diaorang "I have this much, take it or leave it" [saya ada sebanyak ini, ambil atau tinggalkan]. So kalau *auntie* tak terasa sangat la kalau covid tu *auntie* takde show ke ape *auntie* takde rasa sangat la. Sekurang-kurang nya kita tak lapar pon kita boleh hidup kan ha itu la. Sebab kita kena hargai seni (bunyi ketukan jari atas meja) sebenarnya.

NAN: Kalau *auntie* buat persembahan di majlis atau program, adakah terdapat *posture* [postur badan] yang perlu diamalkan ketika persembahan?

DIA: Kalau sebelum persembahan, sepatutnya kena ada poster tapi bukanlah poster yang *you* kene menempah khas poster ke ape takde. Selalu kita kalau buat persembahan mesti ade poster. Ha. Eh itu kena ade tiba-tiba kan tengok nama sahaja Dayangku Intan orang tak tahu, kalau nampak gambar "eh dia buat ape eh" mesti tanya ha so *poster is very important* [poster adalah sangat penting].

NAN: Kalau selepas *auntie* habis nyanyi,

DIA: hmm.

NAN: Adakah *auntie* dibenarkan pulang terus ataupun kena tunggu sampai majlis habis?

DIA: Ya allah. Kalau lepas show, kami akan di- *sorry auntie* lawak sikit eh, akan diperkosa dengan mengambil gambar, bersama-sama peminat. Tarik sana- sini sini situ, sini sini situ serius haah. So kadang-kadang dah letih kan macam terpaksa [terpaksa] juga *auntie* senyum ha macam itu. Itu bahase [bahasa] kasar la ha akan diajak. "Nak ambil gambar" sampai ada yang rakan *auntie* sama-sama *auntie* kan, sampai terkeluar suara "Hei kau ni berapa kali nak ambil gambar muka kau, bagi orang lain dulu. Orang lain pula. Kau sahaja dah dah dah" sampai macam itu. *Sometimes they will stand next to you everytime* [kadang-kadang mereka akan berdiri sebelah awak setiap masa] kamera orang ambil sahaja *you* akan lama kat depan haduh [aduh]. *Auntie* pernah jatuh ambil gambar lepas show. Diaorang bukan nak tolong angkat *auntie*, diaorang akan hempap *auntie* "Yiaw!" diaorang masa itu zaman lapan puluh [80] an itu diaorang akan hempap *auntie* sampai ah- besok pagi itu biru birat kaki ha sebab kita nyanyi kan. You tak percaya ya? (ketawa) (bunyi penemu bual kedua dan pembantu penemu bual ketawa).

NAN: Majlis apakah yang *auntie* rasa paling grand [hebat] *auntie* pernah buat persembahan?

DIA: Banyaklah yang [sayang] *auntie* ke Brunei, *auntie*- yang paling *grand* ke? Bukan rakaman eh? Persembahan?

NAN: Persembahan, Majlis.

DIA: Yang *auntie* paling suka eh? (berfikir). Masa *auntie* buat persembahan ramai-ramai dengan artis masa tu di PWTC [Putra World Trade Centre]. *Actually* [sebenarnya] itu macam rakaman lah diaorang rakamkan, ramai masa itu penampilan dia JJ la dengan kumpulan Wings a- semua sekali so kitaorang akan buat satu persembahan satu- Ramli Sarip, sorang sorang-sorang nyanyi. Itu kalau (menepuk tangan) persembahan show tapi kalau TV [televisyen] rakaman TV *auntie* suke masa *auntie* buat dengan LUX [jenama sabun mandi] *remember* [ingat] sabun ketul LUX?

NAN: Ingat.

DIA: kitaorang- dulu jelita la kononnya dipilihlah artis-artis LUX. So *auntie* one of the- [salah satu daripada] *auntie* suka *show* tu *because* masa itu yang buat itu su- suami Sharifah Aini, Ali Bakar. Oh, *he- he the best* [dia adalah yang terbaik] *best* [terbaik]. Kalau buat konsert *he the best very simple the concept* [dia adalah terbaik konsep sangat ringkas] dia semua *auntie* suka *its raw* [adalah original]. Sekarang pun diaorang keluar kan balik di- di Youtube.

NAN: Bagaimana pemilihan baju untuk *auntie* waktu persembahan tu dilakukan?

DIA: Okey, *auntie* satu perangai *auntie* suka *make up* [bersolek] sendiri. *Auntie* suka pilih baju sendiri. Jarang *auntie* orang pakaikan macam sekarang kan macam pakai selimut pun *auntie* tengok ada. Jalan pakai pasu bunga pon ada maaf cakap eh pakaian sekarang *auntie* tak faham. Suara dah bagus nyanyian dah bagus sekali datang macam tong sampah ha maaf cakap, *I don't know where we going* [saya tak tahu kita nak pergi mana] kan macam selimut pon ada, tiba-tiba. Kita taknak itu itu- itu bukan seni itu apa itu macam satu lawak tau. Zaman *auntie*, *auntie* suka. Cuma *auntie* ada buat di- ape ni *auntie* buat istana budaya ha itu memang orang *make up* kan orang pakaian kan *auntie* sebab itu kat

situ *auntie* nampak berbeza la pakaian *auntie*. Kalau *auntie- auntie* dengan JJ, *uncle JJ* *very simple* [sangat ringkas]. Kite takkan taruk [taruh] bunga macam sebeb pasu atas kepala *so we don't do that* [jadi kami tak buat begitu].

NAN: Apakah protokol yang harus *auntie* ikut kalau buat persembahan di majlis yang rasmi? Eh, ha rasmi.

DIA: Rasmi? Macam *auntie*, *you* kena jaga *appearance* [penampilan] la. Per- *appearance* *you* ape yang *you* nak keluarkan perkataan *you*. Kalau *you* buat konsert dekat luar *you are free* [awak bebas]. *You* boleh cakap macam mana. Tak boleh lah *you* cakap “Wo! Tepuk tangan semua bro” tak boleh la dalam rasmi *you* kena cakap camtu *you* kena jaga itu la ha.

NAN: Selalunya sebelum *auntie* mula buat persembahan, *auntie* selalu buat apa?

DIA: *Auntie* sebenarnya takkan makan tiga [3] jam sebelum *auntie* menyanyi. *That's it* [itu sahaja], itu je. *Auntie* kena cukup tidur, makan sebelum nyanyi, tiga [3] jam kene kosong perut.

NAN: Boleh tahu tak kenapa?

DIA: Kenapa? *Because* suara ni perut *you* tak boleh kosong tak boleh penuh tau. Ha *you* kena *just nice* [hanya bagus] perut ini. Dan ci- tido [tidur] ini pulak *is your strength* [adalah kekuatan awak] kalau *you* tak cukup tidur *you* takde kekuatan. *You* akan mengah cepat. Ha pastu sebelum *auntie* buat persembahan *auntie* mesti kena ada teh panas dengan

honey lemon [madu limau]. Teh- teh O, teh O taruh honey taruh lemon. Itu yang petua yang paling baik kalau takde itu auntie akan makan honey sahaja. Ha itu, itu sahaja.

NAN: Kalau untuk persiapan, adakah *auntie* mempunyai pembantu?

DIA: Ada. kita kena ade pembantu. Kalau ti- tidak ter- tergolek nanti kan. Kena ada pembantu yang nak sedia itu baju nak tarik apa semua. Jadi sekarang ini siapa nak membantu dah “tak popular lagi kan Dayangku Intan itu ha”. Anak ini la pembantu, anak *auntie* ramai ada. Bila kita sampai masa itu, *we got to have* [kita kena ada]. Kalau *simple-simple* [ringkas] ini tak payah. *Auntie* ade *auntie* punya *team*, [pasukan] DKI [Dayangku Intan] Senikita Studio itu kalau *auntie* buat persembahan ramai. Tapi *auntie* selalu ambil macam *you all* [awak semua] la *I like to work* [saya suka bekerja] mana yang suka muzik kan (gangguan bunyi batuk) *I like to work with them* [saya suka bekerja dengan mereka]. With more *creative* and [dengan lebih kreatif dan] cepat.

NAN: Boleh tak *auntie* kongsi teknik nyanyian?

DIA: Teknik nyanyian?

NAN: Ha.

DIA: Sebenarnya teknik nyanyian ini, terbaiknya lah sebab kita ini ade kunci suara di belakang tekak, di bawah lidah, di semua- semua ada. Tapi *the best is* [yang terbaik ialah] kalau *you* nak menyanyi ni, ada *auntie* nak cakap tadi, terlupe [terlupa], bukan kedekut eh *auntie share* [kongsi]. Teknik nyanyi ini *you* kena tahan di perut kalau boleh pandai curi nafas di hidung. Siapa penyanyi di sini? (bunyi pembantu penemu bual ketawa) bila *you*

nak bercakap atau menyanyi *you* kena (tarik nafas) *you* lepas disini (tunjuk ke arah perut), *you* simpan kat perut ni. Ha simpan kat perut, pastu *you* boleh keluarkan suara tengokkan *feel* [rasa] yang *you* nak bawa sama ada *you* keluarkan di tekak ataupun di hidung dia pakai semua tu. Ha teknik teknik dia. Siapa nak jadi penyanyi, jumpa auntie. (bunyi pembantu penemu bual ketawa)

NAN: Apa cara *auntie* nak mengatasi gugup semasa menyanyi?

DIA: Gugup? Oh gugup, takut [takut]. Kalau *you* tak takut, *you* bukan penyanyi. *In anything you do* [dalam apapun yang awak nak buat] bile *you* rasa gugup *you care* [kisah] *you* nak *give the best* [memberi yang terbaik]. Kalau *you* rasa macam nak santai a- nyanyi, bermakna *you* takkan *give your best* [berikan yang terbaik] So mengatasi gugup tu, *auntie* sebenarnya suka *when you* [apabila awak] gugup. *That means you care* [itu bermakna awak kisah]. *You* gugup, *you care* [awak kisah]. *You want to give-* [awak nak memberi] “aku kene buat bagus ah macam mana ni” kan *try to be the best* [cuba untuk menjadi yang terbaik] ha. kalau kita naik macam biasa ha kita tengok orang “halah nyanyi ah” tak bole. *Its not* [ianya bukan]

NAN: Apakah cara *auntie* nak naikkan keyakinan dalam menyanyi?

DIA: Keyakinan? *You have to be positive all the time* [awak kena berpikiran baik setiap masa]. *Not only singing* [bukan hanya menyanyi] kan *you got to be-* [awak kena menjadi] keyakinan tu ada dah pada diri *you*, *you* kena yakin dengan *everything you do* [semua perkara yang awak buat].

NAN: Kalau dari segi nyanyian, adakah *auntie* mempunyai inspirasi?

DIA: Teknik nyanyian *auntie* inspirasi *auntie* ikut lirik a- ikut lirik yang kita bawa itu la sekiranya lagu tu *happy* [gembira] kan takkan kita nak nyanyi menangis (mimik muka yang ingin menangis) ha bila lagu itu sedih, kita nak nyanyi gelak. Saya- *auntie* ada tengok penyanyi yang nyanyi lagu sedih pon muka senyum je (mimik muka senyum) itu bukan menyanyi tu tak tahu apa. Ada, ada penyanyi yang popular betul-betul sampai sekarang bila dia menyanyi lagu perasaan dia tetap muka senyum muka seksi. Itu tak faham. Itu kita kena bawa lagu itu dengan baik.

NAN: Okey yang ni berkenaan dengan peminat *auntie*, apakah persepsi *auntie* terhadap peminat *auntie*?

DIA: (berdecik) *Auntie* sayang dengan peminat *auntie* semua walaupun kadang peminat itu macam ade gila sikit tapi *auntie* sayang dengan diaorang. Yang ni yang *auntie* cakap gila ni *auntie* kenal la (ketawa) kan diaorang suka tapi kadang-kadang *auntie* rase macam “wah betul-betul gila” tapi *auntie* sayang dengan semua peminat *auntie* selagi diaorang tidak meng kurang- ape orang kata? biadap ha, *auntie* sayang diaorang. *I always entertain my* [saya selalu menghiburkan saya punya] peminat.

NAN: Waktu *auntie* menyanyi, reaksi audiens yang paling digemari?

DIA: Reaksi audiens? *Auntie* suka kacau *my audience* [penonton saya] tau. *Auntie* punya persembahan *auntie* akan kacau *auntie* punya penonton ada yang kadang-kadang kita menyanyi kan menyanyi nyanyi dia tengok kita sampai dia (mimik muka penonton mulut ternganga) (bunyi penemu bual kedua ketawa). So *auntie* akan kacau diaorang ha *thats me* [itulah saya]. So ade pula yang tak suka dengan *auntie* ni, tengok ini audiens, tapi dia tak minat *auntie*, muka masam (mimik penonton muka masam) *auntie* akan tanya diaorang *auntie* nampak atas *stage* [pentas] tu *auntie* akan *attack* [serang] la orang yang tak suka tu. *I can- a- a- make laugh until maybe they say something about me* [saya boleh ketawa sampai mungkin mereka berkata sesuatu tentang saya] ke apa ha (menepuk

tangan) *something like that* [sesuatu seperti itu]. *When you give me the stage, the stage is mine* [bila awak beri saya pentas itu, pentas itu milik saya] ha macam itu. (bunyi notifikasi telefon bimbit)

MER: Boleh *auntie* kongsi personaliti sebagai penyanyi yang *auntie* bawa kepada orang ramai?

DIA: Personaliti kita?

MER: Ya.

DIA: *Auntie* takde lah. *Auntie* ni adalah *auntie*. *You see me like this im at home also like this, I sing- anybody i'm like this* [Anda melihat saya seperti ini di rumah juga seperti ini, saya menyanyi- sesiapa pun saya seperti ini]. *Auntie* takde kat sini makan sudu macam ini ha takde. *You see me* [awak lihat saya] makan macam tu, *at home i'm also like that* [di rumah saya juga begitu].

MER: *Auntie* ade pri- ade prinsip tak untuk menjadi seorang penyanyi?

DIA: Prinsip untuk menjadi penyanyi? Macam mane *auntie* dah penyanyi la. Oh sebagai seorang penyanyi, prinsip *auntie*?

MER: Ya.

DIA: *You got to be humble* [awak kena rendah diri] itu prinsip yang terbaik. Takde siapa yang lagi rendah dari *you*, takde siapa yang- *you got to be humble* [awak kena rendah diri]. *Everybody is the same, give your best* [semua orang adalah sama, berikan yang terbaik].

MER: Adakah *auntie* pernah berhadapan dengan artis yang mempunyai personaliti yang tidak berkualiti.

DIA: Ada, tapi kita tak boleh la rendahkan dia kan, kita cuma tengok dia nyanyi tu kita “huh?” (bunyi penemu bual kedua ketawa) macam tu je la. Tapi kita kalau boleh kita bantu, kita bantu la kan. Ada, kadang-kadang penuh perasaan tapi dia pergi ke sungai mana bukit laut kan kita tengok, hm sian [kesian]. Tapi *auntie* tetap senyum. Ada. *Because* dia ingin menjadi penyanyi, masa dia nyanyi itu dia tak rasa diri dia pergi entah ke mana. Kita takkan nak “hei! Teruk” ha tak boleh la.

MER: Menurut *auntie*, personaliti yang harus dipraktikkan oleh seseorang penyanyi?

DIA: Personaliti? Macam mana harus dibawa?

MER: Ha.

DIA: *Auntie* still cakap orang seni artis ini satu contoh. Kalau dia tunjuk contoh yang buruk, pengikut dia akan jadi yang buruk lah. Kalau dia tunjuk contoh yang baik, pengikut dia akan buat yang baik. Jadi kita- *auntie* ambik contoh personaliti mesti yang baik. Sebab kita nak yang macam tu, kita nak masyarakat yang macam itu.

NAN: Waktu zaman kegemilangan *auntie*, adakah *auntie*-

DIA: *Auntie* masih gemilang lagi (bergurau) (bunyi penemu bual kedua dan pembantu penemu bual ketawa).

NAN: Adakah *auntie* pernah terlibat dikaitkan dengan kontroversi?

DIA: Eh, banyak. Eh, malu kalau nak cerita kontroversi tu banyak, kan dulu-dulu lagi dahsyat keluar *paper* [surat khabar] tau tertulis ha orang kata "Dayangku Intan disimpan oleh VIP-VIP" [orang-orang yang penting] pernah, *auntie* cakap "hei, gila" *auntie* melawan cakap "takdelah aku-" ha keluar lain tajuk dia "saya bukan sundal - Dayangku Intan" saya kata "bila masa saya cakap saya bukan sundal" tapi *auntie* kate "*denied*" [dinafikan], dia-dia- dia *hold the title* [tahan tajuk] ha macam itu. Tapi *auntie* pula satu perangai yang *auntie* akan cari dari *reporter* [wartawan] *auntie* takde "aku *sue* [saman] kau-" ini takde so *we discuss in a group manner* so [jadi kami berbincang dalam satu bentuk kumpulan jadi] lepas *after that* [selepas itu] kalau *you back, your mother* [awak balik, ibu awak] ke or *your grandmother* [nenek awak] yang bersama *auntie* dia tengok *auntie* punye kontroversi itu, tak mane teruk la. Ada itu tetap ada. *They come and disturb my mother, they come at other* [Mereka datang dan mengganggu ibu saya, mereka datang mengganggu yang lain].

NAN: So apa pandangan ahli keluarga *auntie* waktu tu?

DIA: Bile dapat kontroversi yang baik? Eh yang buruk. Diaorang kenal *auntie, my mother, my sister, they know me so they know* [makcik, mak saya, kakak saya, mereka kenal saya jadi mereka tahu] benda itu tak betul. Ade lah *my mother* [ibu saya] menangis, (bunyi enjin motor) bila dapat terbukti yang ada dulu *auntie* dapat fitnah kata *auntie* turun hotel naik hotel bersama VIP kan dahulu artis-artis dulu-dulu lah *now* [sekarang] takde dah, dulu-dulu macam tu. *So they will call my mother* [jadi mereka akan menelefon ibu saya] dia

dapat *number* [nombor] buat *prank call my mother would cry* [panggilan palsu jadi ibu saya akan menangis]. *So I explain my mother* [jadi saya jelaskan kepada ibu saya] “tak buat macam tu *you know* takkan buat macam tu” satu hari itu orang tu *call* [menelefon] *auntie* dekat rumah, kat rumah pulak main throw [baling] dengan kawan-kawan so orang ni *call so my mother* [menelefon, jadi ibu saya] jawab dengan baik “oh ya, ha takpelah biarlah itu suka dia lah dia menggatal dia macam itu lah” *my mother* cakap. Ha ini- detak, “nape [kenapa] siapa mak?” “itulah, orang yang kata kau macam tu” ha so terbukti lah ha berada macam itu banyak ah.

NAN: Siapa yang sentiasa bersama *auntie* waktu diberi ujian sebegitu?

DIA: *I always cry to my mother* [saya selalu menangis pada ibu saya], *my mother* [ibu saya] la tempat *auntie* mengadu buruk, baik, seronok. Kalau *auntie* pergi show Sabah, Sarawak jauh-jauh ke, *auntie* akan bawa *my mother*, Brunei ke di- luar daripada KL [Kuala Lumpur] *auntie* akan bawa sesiapa, mak atau kakak. Ke kelantan- dahulu zaman-zaman *auntie* kalau pergi kelantan tu kire [kira] jauh sangat lah naik bas ke naik *flight* [kapal terbang] kan, tu mak, kakak akan ikut. *Auntie* takkan pergi seorang, *auntie* takut (bunyi hon kereta), takut fitnah. Hingga sekarang, *auntie* takkan pergi seorang, *auntie* buat ceramah ke *talk* [rancangan perbincangan] ke *auntie* akan datang bersama suami atau anak-anak *auntie*, *never go alone* [tidak pernah berseorangan]. *Because sometimes*, [kerana kadang-kadang] takde saksi bersama *you* eh benda akan buruk sebab *you* ni orang- macam orang nak kata *auntie* “kau tau tak Dayangku Intan tu begini” dia boleh buat cerita semua kenal Dayangku Intan “iya Dayang Ku Intan macam itu?” padahal takde pon, benda macam itu boleh berlaku.

MER: *Auntie* ade tak kenangan manis yang paling *auntie* ingat daripada dulu sampai sekarang, jadi seorang penyanyi?

DIA: *Actually* [sebenarnya] dua, satu *my mother*, *auntie* dengan mak *auntie* pergi ke kami pergi ke Sarawak naik- bila pergi Sarawak, sampai saja *airport* [lapangan kapal terbang] kita naik lagi satu kecil punye *flight* ke tempat lain so kapal terbang tu akan bergoyang semua kan so masa itu saya bawa mak saya, mak *auntie*. Mak *auntie* punya rasa macam “inilah dunia aku dah mati kat sini” (ketawa) so *auntie* akan gelak-segelaknya dan *auntie* juga ada bersama dengan- kenangan bersama Naseer Wahab, Dato’ Naseer Wahab [penyanyi dan pelakon Malaysia] yang dah meninggal itu masa pertama kali *auntie* buat *show* dekat Sarawak dalam *flight* tu dia cakap dengan *auntie*, “eh macam mana kalau kita jatuh sekarang ini, kapal terbang terhempas” dia kata “Naseer nak sangat” dia kata “kita terhempas duduk kat bawah itu kite jadi macam *adventure* [pengembaraan]” so *auntie* tak bercakap dengan dia agak dua [2]- tiga [3] jam *auntie* marah dengan dia sebab dia cakap pastu dia gelakkan *auntie*. So itu satu kenangan manis, lagi satu bersama suami lah, *auntie* masa itu berkawan sebab *auntie* ade kadang-kadang *auntie* pergi jauh *auntie* tak boleh, ade orang bawa kete [kereta] *auntie* akan pergi dengan mak *auntie*, *uncle* [Encik Rosman] akan bawa la, *auntie* bayar la *at that time* [pada masa itu]. “*I pay you drive*” [saya bayar awak memandu] so kami pergi ke Kuantan bersama mak *auntie* semua bawa- dia bawa dengan kawan dia temankan. Sampai disana *auntie* buat *show* dengan masa itu kilang, kilang tu semua perempuan. *Show* semua perempuan, *organize* [pengurusan] perempuan, dia dua orang sahaja lelaki. So masa itu *auntie* bukan *boyfriend* [teman lelaki] lagi dengan dia lah, bukan- kawan biasa lah. Sekali, *auntie* menyanyi, orang tak tengok *auntie*. Orang semua tengok dia, tau *all the girls*- [semua perempuan] macam *auntie on the stage* [di atas pentas] kan so dia duduk dengan mak *auntie* semua so orang semua [mimik penonton melihat Encik Rosman]. Aku macam “aku penat nyanyi, siapa tengok-” pastu *auntie* marah dia [mimik muka yang marah] *auntie* jengil macam itu tapi masa itu kitaorang takde apa-apa lagi. *Auntie* cakap- so dia macam [mimik muka yang malu] tersenyum, termalu tak boleh nak buat apa. Itulah kisah kenangan tak sangka yang orang tu jadi suami (ketawa).

NAN: Boleh tak *auntie* kongsi sumbangan *auntie* dalam industri?

DIA: Dalam nyanyian? Sebenarnya auntie- tak tahu apa yang *auntie* sumbangkan. Kadang-kadang orang panggil *auntie* nyanyi *I'll sing for free* [saya akan menyanyi secara percuma]. Untuk kebaikan bantuan apa-apa dalam kesusahan untuk cari itu. Tapi *auntie* tak suka kalau orang buat macam satu NGO [badan bukan kerajaan] panggil *auntie* nyanyi *be- benefit for them* [manfaat untuk mereka]. "Oh, aku boleh panggil Dayangku Intan, cegini gini aku nyanyi begini" so dia dapat *benefit* [manfaat] untuk dia *maybe* dia nak pangkat kemudian hari apa. Ada banyak, dia nak datuk [gelaran kehormat] ataupun nama dia naik. Dia buat janji ke dia guna kan *auntie* tak suka sebab itu *auntie* kata kalau nak pengorbanan *auntie*, *auntie* banyak nyanyi *free auntie* banyak turun padang bersama- *auntie* ikhlas. *That's I do a lot* [itu saya banyak lakukan] kadang-kadang *government me- need me to do* [kerajaan perlukan saya untuk lakukan] ke apa kan *auntie* pergi. *Auntie* akan pergi *for free* [secara percuma] *auntie* takde *charge* [caj], kalau *auntie- auntie* perlu bayar, *you* bayar. Pengorbanan *auntie* yang *auntie* rasa *auntie* bantu banyaklah tak boleh nak kira la yang, itu *auntie* tak ingat, *auntie* tolong orang tak pernah nak ingat. *I don't care, as long I do good, I feel good* [Saya tidak kisah, selama saya berbuat baik, saya rasa baik].

NAN: Ap-

DIA: *You do good, I feel good* [awak buat baik, saya rasa baik].

NAN: Ape yang mendorong *auntie* untuk lakukan sumbangan dan pengorbanan ni?

DIA: Sebab *auntie* bukan datang daripada orang senang. *Auntie* tengok masalah-masalah kadang-kadang kita bukan dilahirkan sebagai pencuri, kita bukan dilahir sebagai orang yang kena tangkap, family [keluarga] kita bukan dilahirkan jadi orang jahat. *Auntie* banyak du- perse- pasal family bantu ke apa-apa *auntie* banyak itu *and* [dan] apa-apa yang baik lah *auntie* akan b- buat dah memang ade dalam m- hati *auntie* la dalam naluri *auntie*. Kita kalau tengok binatang kena seksa pon kita marah.

NAN: Siapa yang selalu bantu *auntie* dalam-

DIA: Kesusahan?

NAN: Sumbangan yang *auntie* buat ini?

DIA: *I have* [saya ada] ada kawan kadang-kadang membantu mana yang nak membantu *and my sister* [dan kakak saya], Tengku Hija kadang-kadang *I* nanti nak buat kerja-kerja kan, *auntie* akan cari *fund* [dana] tu sendiri, siapa yang nak bantu *lets say you-* [katakan awak] *auntie* macam dulu *auntie* masa *auntie* ceburkan diri dalam politik, *auntie* tengok keadaan orang susah *auntie* akan cakap dengan kawan-kawan *auntie* “aku akan pergi disini- sini untuk tolong orang susah, aku perlukan bantuan.” Kalau takde- “jangan bagi duit” *auntie* kata “aku perlukan beras” “aku perlukan itu” ha *auntie* akan bawa la. Kadang-kadang ada juga sampai sekarang *student* [pelajar] yang bagus belajar, tapi tidak dapat bantuan, so *auntie* akan salurkan, suami *auntie* pon suka ikut *auntie* kan. Dia- kawan-kawan dia salurkan duit kepada orang yang mintak [minta] bantuan tu terus ha *auntie* buat macam tu.

MER: Melalui kajian kami, *auntie* pernah terlibat dalam kegiatan politik, kalau *auntie* sudi bole tak *auntie* ceritakan penglibatan *auntie* dalam parti politik?

DIA: (melegakan tekak) *Auntie* pernah bertanding di PRU tiga belas [13] [Pilihan Raya yang ke-13] di Johor. Sebab kita seorang penyanyi ini kita kadang ada program *you know you* tengok ‘bersamamu’ [rancangan penghuluran bantuan] la program itu, kita pergi kan tengok orang susah keadaan mereka so dari situ *auntie* terbukak [terbuka] lagipun *family auntie* memang politik pon, macam *I* cakap itu Tunku Abdul Rahman *is my* [ialah saya

punya] atuk saudara, *my grandfather is* [atuk saya ialah] itu. Banyaklah *my family* politik, *so auntie* memang suka- *auntie* ini suka melawan juga tengok benda yang tak betul kan *auntie* akan tegur macam mana kita- masalah sekarang. Ada juga orang yang hentam *auntie* sebab kita jadi penyanyi orang suka, bila jadi politik banyak yang marah. *So, I have both of that*, [jadi, saya ada kedua-duanya] ada yang suka, ada yang marah. *So auntie* mencebur politik ni itu sahaja, *auntie* nak benda untuk kita. Auntie berjuang *people for the people* [rakyat untuk rakyat]. (bunyi telefon bimbit diletakkan atas meja) *I am a people for the people* [Saya adalah rakyat untuk rakyat] sebab *auntie* ada pentas itu orang kenal *auntie so it's easy for me* [ia mudah untuk saya]. Kata auntie dulu berjuang sebagai seorang seni- apa ni politik, *auntie* nak memperbetulkan selain daripada tempat *auntie* bertanding, *auntie* nak memperbetulkan seni. *What can we do about* [apa yang kita boleh lakukan dengan] (menepuk tangan) muzik kan *and* sekarang kite nak apa? Multimedia yang baik (menepuk tangan) so apa menteri kita buat ha kita nak macam tu. Kita nak *line* [barisan] yang bagus, kita nak good thing for us so [perkara yang baik untuk kita jadi] *auntie* kalau politik itu yang *auntie* nak *target* [sasar], kebaikan untuk rakyat. *So auntie* ade peluang itu ta- pentas itu.

MER: Parti politik apakah yang *auntie* sertai?

DIA: Dahulu?

MER: Ya.

DIA: *Auntie* daripada UMNO [United Malays National Organisation atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu], *auntie* pindah kepada PKR [Parti Keadilan Rakyat] sebab *auntie* rasa tiada, UMNO yang *auntie* rasa waktu itu yang *auntie* rasa salah, *auntie* pergi ke PKR *auntie* ingat Parti Keadilan Rakyat, membantu rakyat tapi *auntie* nampak pincangnya Parti Keadilan Rakyat ni. *You can see it now*, [awak boleh lihat sekarang] *so auntie* keluar daripada PKR apabila PKR tidak bersama PAS [Parti Islam Se-malaysia].

Tapi sekarang *auntie* bersama PAS. Memang *auntie* sekarang memang nak PAS sebab *auntie* tengok PAS ini dia macam itu sahaja. Dia tiada *you* bersumpah dengan nama Allah tapi *you* tak buat tapi PAS, dia begitu sahaja. So *auntie* bersama PAS. Maaf cakap kan kita kalau nak berpolitik ini bahagian politik eh, kita banyak menunggang- orang kata “oh tunggang agama” takde. Kalau kita tengok sekarang yang bersumpah, Wallahi, allahi tapi benda itu tak betul, takde ikut itu bahaye [bahaya] so *auntie* tak nak sebab politik ini penting dalam hidup kita. *You* kat rumah pon politik, *in school you* [di sekolah awak] politik, *right?* [betul?] So *auntie* bersama PAS ni *auntie* dari kecil sampai sekarang ini *auntie* tengok kepincangannya dah banyak jauh dah. And *I* [dan saya] terus terang *I* cakap *auntie* tak minat DAP [Democratic Action Party] so *that's why* [jadi itu sebab] *auntie* bersama PAS. Siapa PKR kat sini? *You?* (tuju kepada penemu bual pertama) (penemu bual dan pembantu penemu bual ketawa) Y- *you all* dah mengundi belum?

NAN: Dah.

DIA: Kena mengundi tau, anak melayu kita kena mengundi, jangan merajuk. *Auntie* dah takde dah [merujuk kepada kesan dakwat mengundi di jari]. Jangan merajuk, *because why?* [sebab kenapa?] Ini rumah kita, kita tak mengundi nanti kita tak jadi tuan rumah. Sebab *auntie* pergi hospital bersama anak *auntie*, melayu banyak yang takde [dakwat mengundi di jari]. *Chinese* [cina] tua muda semua ada. So *it hurt*, [jadi ianya sakit] *auntie* luka tau so sekarang ini *auntie* memang- nak kata tak masuk politik tapi *im there* [saya di situ] kita bila-bila pon politik, (bunyi kereta) *see?* [lihat?]. Tak kira *you* pilih siapa *you* tengok siapa buat kerja *you* pilih orang itu (bunyi pen dan kertas diselak). Tak kira parti apa tapi *auntie*- PAS sebab *auntie* bersama PKR *auntie* tahu.

MER: Siapakah yang sokong *auntie* dalam penglibatan *auntie* dalam parti politik?

DIA: In life, you don't have- [dalam kehidupan, awak tak perlu] perlukan sokongan. *That's between* [itu di antara] apa yang *you* nak pergi, *you* bersama Allah. *You* tak perlukan

sokongan, kadang-kadang sokongan ini yang memincangkan *you*. Mempincangkan *you*. *Sometimes* [kadang-kadang] *you* kata nak sokongan daripada kawan *you*, *you* rasa *you* buat betul, *you* ikhlas, tujuan *you* lurus. Allah bersama *you* *that's it* [itu sahaja]. *You* baik, *you* akan dapat siapa ikut *you*. *Sometimes* saya ibu ya, pandangan saya salah buat anak saya, buat anak *auntie*. Tapi dia tak berani nak cakap sebab ini mak macam mana. Dia bawa la apa yang keinginan yang mak nak yang salah ini so *auntie* tak, takde macam tu. *Auntie* memang- mak *auntie* dah ajar macam itu “ikut engkau la, engkau lagi tahu” so *auntie* *si- still do the same to my children* [jadi saya memang buat perkara yang sama kepada anak saya]. *Auntie* akan bagi advice, “*what your choice?*” [apa pilihan awak] sebab allah bagi kita pilih kalau tidak takkan ada *one side, heaven and hell* so [satu pihak, syurga dan neraka jadi] kita dapat tempat salah pilihan kita. Kita pergi salah tempat pilihan kita jangan salahkan orang. One thing [satu perkara] eh kite dalam politik *auntie* tengok kita suka *pointing finger* [menuding jari] kat orang. (bunyi hon kereta) tak boleh, kita kena buat yang terbaik.

MER: Bila *auntie* mula minat dalam kegiatan politik?

DIA: *Auntie* dulu UMNO, bapa *husband* [suami] *auntie* UMNO eh, kita tengok (melegakan tekak) artis-artis hidup senang dengan duit rakyat daripada pak menteri, *auntie* tak suka. Orang marah *auntie*, marah la so *auntie fight for it* [jadi saya perjuangkan]. *Auntie* nampak kesenangan yang dimiliki oleh artis daripada pak menteri, dahsyat hidup. *Auntie* tahu dari mana datang nya apa semua, kita kenal kan. Ini bukan soal dengki ini soal orang yang hidup susah nak makan nak pergi sekolah anak- meminjam tapi orang ini nak pergi sekolah walaupun tak pandai pergi belajar dengan kerajaan dibiayai kerajaan, *just because you* [hanya kerana awak] pak menteri, orang ni dapat pergi. *That's not fair* [itu tidak adil]. So *auntie* daripada situ sedikit demi sedikit dan *auntie* pula pernah kena ambil idea daripada- *because* *auntie* melawan kerajaan juga dahulu sebab apa, bila *auntie* punya projek *auntie* ada company group event, [program kumpulan syarikat] event [program] *auntie* dicuri ci- hak cipta reka cipta *auntie* dicuri, dia buat- dia buat duit. Sebab *auntie* tak nak, *auntie* tolak rasuah, *auntie* tak suka rasuah. *Auntie* tolak, *auntie* tak dapat jadi *auntie* pergi court, sue- [mahkamah, saman] daripada situ lah *auntie* tengok “aku nak

cuba lah politik ini” it takes time for one person to fight ten people at the (bunyi pintu bilik dibuka) some- some example [ia mengambil masa untuk seorang melawan sepuluh orang di beberapa contoh]. Tapi *auntie* tengok PAS yang sekarang ni bukan Amanah [National Trust Party (Parti Amanah Negara)] dahulu ada Amanah sekali. PAS yang sekarang ini (mengetuk meja), diaorang bergerak dengan baik secara sama. Ha berbeza- tapi *auntie* dahulu memang masa PKR, *auntie* memang banyak bersama PAS. Masa tu Tuan Guru Nik Aziz [Ahli politik Malaysia dan ulama Islam]. Ha sebab *auntie* buruk sangka juga pada PAS pada mula-mulanya, *auntie* ingat diaorang ini tak suka orang seni. Bila *auntie* dah masuk PKR, rupanya diaorang, akhlak yang baik.

MER: *Auntie* telah-

DIA: So nanti *auntie* hantar borang PAS eh? (bunyi penemu bual dan pembantu penemu bual ketawa)

MER: *Auntie* telah buat keputusan untutk dikeluarkan- keluar daripada parti politik tersebut, bagaimana pandangan keluarga *auntie* apabila *auntie* buat keputusan untuk keluar daripada parti tersebut?

DIA: Like I said [seperti yang saya cakap], tadi *auntie* dah cakap kan. *Auntie* orang yang nak buat- “aku nak buat, aku nak buat” so keluarga *auntie* semua percaya apa pilihan *auntie*.

NAN: Apakah perkembangan terkini *auntie*?

DIA: Perkembangan terkini *auntie*, *auntie* ada *my own program which is* [ada program sendiri iaitu] SENIKITA Studio *podcast* [audio digital]. *Auntie* terberhenti sekejap sebab masalah ada- ni kan. Kalau tidak, *every week* [setiap minggu] keluar tau. Sebab anak *auntie* pon ade dia punya *own song and* [lagu sendiri dan] dia nak *release* [rilis] so perkembangan terkini, *auntie* buat masak-masak program, *auntie* buat lag- buat lasagna dengan bajet yang kecil *which is nice* [iaitu bagus] *auntie* ajar orang macam itu. “oh teringin nak makan lasagna kat kedai tepi so much [sangat]” so buat *at home you can have a lot* [di rumah awak boleh buat dengan banyak] dengan- yang murah. *Auntie* buat program masak dengan *podcast* *auntie* cakap-cakap masak dan juga- *auntie* juga akan ada program-program seterusnya dan juga *auntie* bergiat kembali kepada politik.

NAN: Okey, pada pen- pendapat *auntie*,

DIA: Aha.

NAN: Apakah cabaran yang bakal dilalui oleh penyanyi yang baru nak mula dalam bidang nyanyian?

21/1/23	9.58 malam	- Membahagi tugas transkrip - Menyiapkan penghargaan senarai abreviasi, senarai rujukan, biodata penemu bual.	Berjaya disiapkan
22/1/23	2.00 petang	Menyiapkan log temu bual, diari penyelidikan.	Berjaya disiapkan
23/1/23	4.00 petang	Menyiapkan biografi tokoh, ringkasan, glosari	Berjaya disiapkan
24/1/23	11.00 pagi	Menyiapkan indeks, abstrak, bibliografi dan lampiran	Berjaya disiapkan
25/1/23	12.30 petang	Menghantar transkrip penuh kepada Sir Jeff untuk disemak	Berjaya disiapkan
26/1/23	2.00 petang	Semakan transkrip temu bual oleh Sir Jeff	Berjaya disiapkan
27/1/23	12.00 tengahari	Membuat tinjauan ke kedai cetakkan	Berjaya ditemui
28/1/23	3.00 petang	Membuat cetakan dan membukukan transkrip	Berjaya dicetakkan
29/1/23	6.00 petang	Menghantar tugas	Berjaya menghantar

12.7 LAMPIRAN GAMBAR

12.7.1 ANUGERAH



Lampiran : Anugerah Gold untuk album 'Suara Hati'



Lampiran : Anugerah Gold untuk album 'Suara Hati'

12.7.2 PIRING HITAM ALBUM

Lampiran: *Piring hitam album 'Semakin Rindu Semakin Sayang'*Lampiran: *Piring hitam album 'Semakin Rindu Semakin Sayang'*




Lampiran: *Anugerah dan piring hitam*

12.7.3 KOLEKSI MUKA HADAPAN KASET ALBUM YANG DIRILIS



Lampiran: *Koleksi muka hadapan kaset album yang dirilis*

12.7.4 GAMBAR TOKOH



Lampiran: Foto tokoh bersama ayahnya pada waktu kecil



Lampiran: Foto-foto tokoh pada waktu kecil



Lampiran: *Foto-foto tokoh waktu kecil bersama keluarga dan rakan-rakan*



Lampiran: *Foto tokoh pada usia kanak-kanak*



Lampiran: Foto-foto tokoh pada usia remaja



Lampiran: Foto-foto tokoh pada usia muda



Lampiran: Foto tokoh melakukan persembahan nyanyian



Lampiran: Foto tokoh melakukan persembahan nyanyian



Lampiran: Foto tokoh melakukan persembahan nyanyian



Lampiran: Potret tokoh pada hari beliau melakukan persembahan nyanyian

12.7.5 GAMBAR SEMASA TEMUBUAL




Lampiran: *Gambar semasa temu bual awal*




Lampiran: *Gambar semasa temu bual sebenar*


12.7.6 LAMPIRAN MENGHUBUNGI PIHAK TOKOH



Lampiran: Menghubungi pihak tokoh berkenaan kajian sejarah lisan



Lampiran: *Perbincangan lokasi temu bual awal dan pemberian gambar*



Lampiran: Penetapan tarikh temu bual sebenar dan pemberian gambar oleh pihak tokoh

12. 7 KERTAS KERJA



**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN INFORMATIK DAN MEDIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM**

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS)

INFORMATION RECORD OF MANAGEMENT

IMR 604

IMR604: ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN

TAJUK:

DAYANGKU INTAN

DISEDIAKAN OLEH:

(MUHAMMAD EKMAL BIN RAMLI)

(2020818962)

(NUR AISHAH BINTI MOHD NASIR)

(2021112573)

PENSYARAH:

SIR JALAFIZAN BIN MD JALI

TARIKH:

20 DISEMBER 2022

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Seni dan kebudayaan adalah berkait rapat dimana seni termasuk dalam salah satu struktur kebudayaan (Nanang Ganda Prawira, nd.). Kedua-dua seni dan kebudayaan berkenaan dengan aktiviti sesebuah masyarakat dalam menggambarkan identiti mereka. Seni dimaksudkan sebagai sesuatu yang halus dan nyaman didengar dari segi suara (Kamus Dewan, 2005). Seni terdiri daripada hasil karya kreatif masyarakat dalam meluahkan perasaan, imaginasi dan identiti mereka seperti lukisan, muzik, drama, sajak, pantun, ukiran, tarian, kraftangan dan banyak lagi (Iqa, nd.; Nanang Ganda Prawira, nd.; Frank, 2004; Mohamed Imran Mohamed Taib, 2008). Seni dalam sesebuah masyarakat adalah penting dalam unsur penyatupaduan. Melalui Kamus Bahasa Melayu, kebudayaan atau budaya, ialah intipati kehidupan yang terdiri daripada kelakuan, pemikiran dan tindakan melalui aktiviti yang dicipta oleh sesebuah masyarakat seperti pemakanan, pemakaian, perayaan, kesenian, kesusasteraan, nilai etika dan lain-lain lagi (Shaliza Dasuki, Fazlina Mohd Radzi, Nurkhazilah Idris, & Nur Hasliza Abdulah, 2015). Dalam sesebuah masyarakat, kebudayaan amatlah penting untuk menaik taraf kehidupan mereka dari segi moral, dan integrasi (Nanang Ganda Prawira, nd.).

Di Malaysia, seni dan kebudayaan yang diterapkan dapat dilihat dengan jelas melalui pelbagai jenis kaum dan agama yang wujud. Seni dan kebudayaan adalah perkara yang penting di Malaysia berfungsi sebagai aktiviti yang mampu mengeratkan hubungan kemasyarakatan, memberi kecergasan dan meningkatkan kesihatan mental (Nik Noorlyha Nik Mohamad, 2014) dan untuk mengekalkan kesinambungan asal usul identiti masyarakat (Naqeeudin, 2017). Kemajuan seni di Malaysia juga sudah lama diterapkan sejak zaman dahulu melalui tarian, lagu, penulisan kreatif, filem dan sebagainya dimana ia dikekalkan sehingga sekarang sebagai tontonan generasi kini.

Kajian sejarah lisan ialah mengumpul, mentafsir, dan memelihara maklumat sejarah yang penting melalui sumber lisan iaitu menemuramah atau penceritaan seseorang (Aditia Muara Padiatra, 2021). Menurut Seow Han Lin (2020), kajian lisan bertujuan untuk memastikan kesahihan sesuatu maklumat. Kajian lisan ini melibatkan tokoh atau seseorang dari pelbagai golongan yang hebat seperti menteri, penerus keturunan, pemimpin, guru besar, artis, dan orang biasa yang juga memiliki kepakaran

atau maklumat dalam sesuatu bidang atau peristiwa yang penting untuk diambil tahu dan direkod buat rujukan masa depan. Selain penceritaan, maklumat juga dikumpul melalui dokumen yang dimiliki oleh seseorang tersebut seperti kertas, diari, sijil, surat, gambar, dan banyak lagi. Sumber primer ini adalah penting untuk dijadikan bukti yang dapat memberi kesahihan (Seow, 2020).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah selaras dengan kepentingan sejarah lisan yang merakam dan memelihara maklumat agar kemajuan dalam industri seni dapat dijamin. Terdapat beberapa kepentingan dalam kajian yang dilakukan.

Kepentingan dalam merakam maklumat sejarah ini adalah untuk mengelakkan perkembangan, pengalaman dan bukti sejarah ini hilang dan disia-siakan begitu sahaja tanpa penceritaan dari generasi ke generasi yang lain (Nadzan Haron, 1979). Justeru, kajian lisan banyak menyumbang kepada penulisan historiografi (Seow, 2020), dimana kajian lisan juga dapat memberi peristiwa sejarah menjadi lebih jelas melalui penceritaan dan pengalaman.

Selebihnya, kajian lisan adalah salah satu cara untuk menyampaikan sejarah kepada masyarakat dimana kesedaran dan keyakinan diri dapat diperoleh oleh masyarakat (Marietjie Oelofse & Derek du Bruyn, 2004). Dengan mengetahui kehebatan dan keunikan dalam warisan negara, ia dapat memupuk semangat dan rasa bangga oleh masyarakat. Justeru, masyarakat akan lebih menghargai dan berjuang untuk memelihara warisan negara malah menaikkan lagi nama dan imej yang baik dengan meningkatkan lagi keistimewaan warisan itu.

Generasi akan datang juga boleh memanfaatkan sejarah generasi terdahulu dengan kefahaman yang baik. Intipati sejarah lisan dapat dijadikan rujukan yang bermanfaat dan berguna untuk generasi akan datang untuk mengetahui sejarah terdahulu dengan lebih jelas. Dengan itu, rasa hormat dan cinta akan warisan dapat disemai dalam kalangan generasi baru (Catherina Moss, 2014). Justeru, warisan negara dapat dipelihara buat masa yang lama dan melahirkan generasi yang berpengetahuan dan maju.

Melalui kefahaman yang diperolehi, kajian lisan juga boleh menarik minat dan menggalakkan lagi penyelidikan dilakukan oleh masyarakat (Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Noor Azlinda Wan Jan, 2012).

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan tokoh yang dipilih iaitu seorang artis veteran malaysia. Melalui pemerhatian dalam internet seperti google scholar, akbar digital, Youtube, perpustakaan, arkib, terdapat sedikit maklumat sahaja berkaitan dengan tokoh yang dipilih. Oleh itu, kajian ini dapat menambah maklumat serta memberi kesahihan kepada maklumat yang sedia ada di ruang internet. Maklumat yang diperolehi melalui kajian temu bual ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan untuk generasi akan datang untuk mengenali tokoh dan mendapat pengetahuan yang baru.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan industri seni pada zaman dahulu adalah sangat penting untuk dijadikan inspirasi dan tontonan generasi kini. Namun, dapat dilihat bahawa perkara ini kian dilupai dan sukar dijumpai. Justeru, terdapat pelbagai kekurangan yang dapat dilihat.

Yang pertama ialah isu kekurangan maklumat berkenaan seniman atau seniwati yang dapat dijadikan rujukan kepada masyarakat. Orang ramai tidak akan mengetahui tentang kewujudan mereka yang telah terlibat dalam industri seni Malaysia. Hal ini demikian para seniman dan seniwati akan mudah dilupai dan tidak dihargai oleh orang ramai. Justeru, industri seni akan kehilangan maklumat yang penting berkaitan seniman dan seniwati. Kesannya, rujukan berkenaan dengan mereka akan berkurangan lalu masyarakat tidak akan dapat mengenali mereka dengan lebih mendalam. Industri seni juga tidak akan dapat maju dan dihargai oleh masyarakat.

Selain itu, isu maklumat yang tidak tepat tersebar kepada masyarakat. Dalam industri seni semestinya ada pelbagai gosip dan ura-ura yang tidak diketahui kepastian sumbernya. Hal ini menyebabkan pelbagai maklumat yang tidak tepat disampaikan kepada masyarakat jika kesahihan tidak dapat diperolehi. Justeru, para artis akan menerima imej dan pandangan yang buruk oleh masyarakat (Pattipeilohy, 2015).

Kesannya, para seniman dan seniwati akan menerima layanan yang tidak sepatutnya dan dihina diatas maklumat yang tidak pasti. Hal ini mampu melibatkan kesihatan mental dan perasaan para seniman dan seniwati.

Seterusnya, kekurangan kesedaran, semangat dan kecintaan kepada industri seni oleh masyarakat. Hal ini menyebabkan tiada sokongan diberikan kepada industri seni di Malaysia lalu tidak akan maju seperti di negara yang lebih hebat seperti Korea dan Amerika. Para generasi kini dan akan datang akan lebih menyokong hasil seni di negara luar berbanding di negara sendiri (Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad, 2011). Kesannya, industri seni di Malaysia akan lebih merudum akibat tiada sambutan yang tinggi dan dipandang rendah oleh masyarakat dan dari luar negara.

Di samping itu, kurangnya kajian lisan berkaitan para seniman dan seniwati yang dilakukan untuk memelihara maklumat mereka. Hal ini mengurangkan motivasi dan rujukan diberikan kepada generasi kini untuk melakukan kajian akan datang. Justeru, penghasilan kajian lisan tidak akan maju di negara ini malah kepentingan kajian tidak akan dipandang tinggi. Kesannya, maklumat yang penting tidak dapat diperolehi dan disimpan untuk rujukan akan datang. Hal ini kurangnya rujukan akan menyebabkan generasi baru kurang pengetahuan akan sejarah yang sangat berguna

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- Untuk mengkaji latar belakang tokoh dengan lebih mendalam.
- Untuk mengkaji pendapat tokoh terhadap industri seni muzik dan nyanyian dahulu dan sekarang.
- Untuk mengumpul maklumat dan mendokumentasikan sejarah hidup untuk rujukan akan datang

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- Apakah latar belakang tokoh?
- Apakah pendapat tokoh terhadap industri seni muzik dan nyanyian dahulu dan sekarang?

- Apakah kepakaran tokoh dalam industri seni musik dan nyanyian?

1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Muzik merupakan salah satu daya tarikan bagi kita yang mampu mengubah suasana keadaan. Muzik juga merupakan antara alat komunikasi secara tidak langsung dan itu merupakan antara kepentingan muzik. Seperti yang kita semua ketahui bahawa industri seni ini telah melahirkan ribuan artis tersohor sepanjang zaman di tanah air. Walaubagaimanapun, identiti artis yang pernah menjadi satu fenomena di zaman dahulu kian luntur di mata anak generasi muda pada hari ini. Kepentingan menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007) bermaksud ia adalah suatu yang penting demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah, memberi manfaat kepada orang ramai. Manakala sumbangan membawa maksud sesuatu yang diberikan sebagai sokongan ataupun bantuan kepada orang ramai (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Kajian penyelidikan temubual ini akan membincangkan beberapa kepentingan dan sumbangan dalam menjalankan kajian sejarah lisan ini terhadap individu, masyarakat dan industri muzik.

Sejarah lisan sememangnya sangat penting bagi individu yang menemubual untuk tujuan pengumpulan data kerana ianya dilakukan dengan cara berkomunikasi secara terus dengan sumber primer dan juga menjadi bahan tambahan untuk penghasilan suatu kajian sejarah yang lebih mantap. Keadaan ini lebih cenderung membenarkan penemubual untuk membayangkan dan merasai keadaan sebenar yang dilalui oleh orang yang terlibat secara langsung. Kebiasaannya, penemubual adalah dari generasi baru yang ingin mengetahui kisah sebenar yang terjadi pada zaman dahulu. Oleh itu, sejarah lisan ini amat penting bagi generasi baru, khasnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru ini akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut. (Rozeman Abu Hassan, 2004)

Antara kepentingan kajian sejarah lisan tentang tokoh artis veteran yang dilakukan adalah untuk memperkenalkan dan menambah pengetahuan seseorang itu tentang individu yang telah lama menapak nama mereka di dalam bidang industri seni muzik dan nyanyian. Hal ini bukan sahaja memberi pengetahuan tentang seseorang itu malah seseorang itu boleh mengetahui serta merungkai tentang liku-liku perjalanan hidup seseorang artis veteran itu dalam bidang seni muzik dan nyanyian. Selain itu, kajian penyelidikan temubual sejarah lisan ini juga dapat membantu remaja generasi Z untuk memelihara dan memantapkan pengetahuan akan sejarah mereka. Melalui kajian yang dijalankan, ianya dapat memupuk jati diri serta mengajar individu itu agar tidak mudah berputus asa dan membantu dalam membuat keputusan jika mereka mahu menceburi sesuatu bidang itu terutamanya bidang seni muzik dan nyanyian. Kajian ini dijalankan secara langsung dapat membuka mata dan perspektif tentang jatuh dan bangun perjalanan tokoh artis itu. Dengan adanya kajian temubual sejarah lisan ini terhadap artis veteran tersebut, tokoh itu dapat dijadikan contoh dan *role model* buat mereka pada masa akan datang. (Khairunneezam Mohd Noor, 2009)

Selain itu, kepentingan dan sumbangan kajian temubual sejarah lisan terhadap tokoh artis veteran yang dilakukan oleh pengkaji kepada masyarakat pula berperanan untuk membawa dan mendorong masyarakat agar tidak melupakan kewujudan artis-artis veteran ataupun “Orang Lama” yang pernah aktif berkarya serta mengegarkan nama negara di mata dunia dalam industri seni muzik dan nyanyian dari dahulu hingga kini. Artis veteran yang kian dilupakan mampu menjejaskan periuk nasi mereka. Hal ini kerana adanya sikap segelintir syarikat produksi yang memperkotak-katikan artis veteran dan menganggap mereka seperti tiada harga diri (Farihad Shalla Mahmud, Serimah Mohd Sallehuddin, 2021) Berdasarkan dengan kajian temubual sejarah lisan yang dilakukan tentang tokoh artis veteran tersebut, ianya bakal membantu untuk memelihara dan menyedarkan masyarakat bahawa generasi – generasi lama yang masih wujud serta bernilai sehingga hari ini. Dengan ini, golongan muda juga akan lebih menghargai permata- pertama seni yang berkilau dari dahulu sama seperti artis muda zaman sekarang ini. Oleh yang demikian, mereka juga dapat mengenali tokoh artis veteran dengan lebih mendalam dan memupuk minat dan sokongan terhadap mereka. Secara harifahnyanya, kajian penyelidikan ini memberi sedikit manfaat terhadap masyarakat serta dapat dijadikan sebagai rujukan dan tauladan kepada semua lapisan peringkat usia.

Akhir sekali, kepentingan dan sumbangan kajian penyelidikan temubual sejarah lisan artis veteran terhadap perkembangan industri seni muzik itu sendiri di tanah air kita. Seperti yang kita semua sedia maklum pada hari ini bahawa terdapat banyak pelapis atau artis dari generasi muda pada hari ini yang sedang menempah nama mahupun sudah menapak dalam bidang industri seni dan nyanyian, akan tetapi ada di antara kalangan mereka yang tidak mempunyai pengalaman dan ilmu yang mencukupi tentang muzik ataupun bidang lain yang ingin mereka ceburi. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan serta pendorong semangat mereka bagi meneruskan impian mereka di dalam bidang muzik dan nyanyian. Secara tidak langsung, adanya kajian penyelidikan temubual sejarah lisan ini dilakukan, sejarah, pengalaman, karya serta kenangan pahit dan manis artis veteran tersebut akan sentiasa akan diingati di dalam industri muzik dan nyanyian di tanah air kita dan ianya juga akan dipelihara dalam jangka masa yang lama.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Tujuan kajian literatur adalah untuk mencari kajian-kajian lepas dalam mengkaji perihal kebudayaan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), ia adalah satu proses yang membawa kepada perbincangan dan ringkasan penyelidikan lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik yang relevan dan berkait dengan bidang penyelidikan. Dalam bab ini akan membicarakan tentang kewujudan seni di Malaysia, tinjauan kajian lepas berkenaan dengan perjalanan karier seseorang artis itu dalam industri seni muzik dan cabaran yang didapati semasa pendokumentasian kajian ini.

2.2 SENI DI MALAYSIA

Industri seni ialah industri terbesar dan bernilai diseluruh dunia yang khususnya memberikan hiburan kepada semua jenis lapisan masyarakat. Industri seni ini melibatkan golongan seni dan karyawan yang boleh kita mendapatkan faedah daripadanya jika ada satu usaha untuk menghimpunkan semuanya di bawah satu payung. Misalnya, pencipta lagu atau penulis lirik tidak kira berpengalaman atau baru boleh memasarkan karya mereka kepada wakil-wakil syarikat rakaman atau artis dari dalam mahupun luar negara.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. 2007), mendefinisikan seni sebagai halus (kecil, elok), tipis dan halus. Seni juga boleh

ditakrifkan sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat hasil daripada sesuatu ciptaan. Kesenian pula dimaksudkan sebagai perihal seni yang berkaitan dengan seni, keindahan atau kehalusan. Seni adalah karya yang dicipta dengan berbakat, iaitu hasil ciptaan sebuah karya seni halus yang mempunyai nilai keindahan dan memenuhi cita-cita berikan perminatan rasa (Junaini Kasdan. 2018). Contohnya, lukisan, muzik, puisi dan arca.

Nyanyian merujuk kepada gubahan atau ciptaan muzik yang dilagukan dengan suara (Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007). Melalui nyanyian, kita akan memudahkan lagi proses pembelajaran kerana melodi yang dialunkan akan membuatkan seseorang itu lebih mudah mengingat sesebuah perkataan melalui bait-bait lirik lagu tersebut. Pelajar akan lebih mudah menyebut, memahami dan menghayati sesebuah perkara yang ingin disampaikan apabila disertakan dengan muzik.

Filem adalah satu media yang popular di negara ini. Pada awalnya, industri filem tidak berkembang sebagai satu industri yang besar. Industri filem Melayu mula menampakkan tanda perkembangan pada tahun 1960-an. Apabila soal lakonan dibangkitkan, pastinya soal pelakon juga akan turut dibincangkan. Bagaimana seseorang pelakon itu mampu menjiwai sesuatu watak seringkali menjadi perbincangan dalam persoalan tentang lakonan. Bererti, lakonan berkait rapat tentang Teknik atau kebolehan seseorang menyampaikan peranannya di dalam sesebuah produksi (Normiha Suraya. 2019). Lakonan yang berkesan dikatakan harus bermula daripada hati.

2.3 KEPENTINGAN SENI DI MALAYSIA

Perkataan seni dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar iaitu mengenai suara, comel bentuk badan (Kamus Dewan, 2005). Sesuatu yang dikatakan seni pula adalah suatu bentuk karya seperti pantun, ukiran, muzik dan lain-lain lagi yang dicipta dengan bakat yang tersendiri. Perkataan 'seni' jika ditambah dengan imbuhan 'ke' (awalan) dan 'an' (akhiran) membentuk perkataan 'kesenian' yang membawa pengertian yang lebih luas lagi iaitu perihal seni, yang berkaitan dengan keindahan dan ketelitian penciptaan sesebuah karya seni tersebut. Kesenian telah menjadi identiti dan amalan yang amat penting kepada kebudayaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sejak turuntemurun lagi. Dengan kepelbagaian amalan kesenian dalam

masyarakatberbilang kaum di negara ini, identiti masyarakat Malaysia yang bersifatmultikultural lebih terserlah dan dikenali ramai.

Di antara kepentingan bidang seni ini adalah sebagai aktiviti riadah masyarakat. Masyarakat kita memang gemar beriadah khususnya apabila waktu kelapangan. Bagi masyarakat yang tinggal dikampung, masa senggang mereka diisi dengan aktiviti-aktiviti riadah seperti tarian, silat, muzik dan sebagainya. Mereka mempelajari sesuatu tarian bukan sahaja untuk tujuan keriangian sebaliknya mengisi masa lapang selain menjalin hubungan sesama mereka. Keadaan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan komuniti mereka.

Dari sudut ekonomi, aktiviti seni juga tidak kurang penting sumbangnya. Perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri seni adalah salah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Misalnya, di Amerika Syarikat, industri ini telah menyumbang sebanyak USD\$3 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam perspektif ekonomi dan sosiobudayaMalaysia, industri kreatif telah memberi sumbangan sebanyak RM9.4 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2008 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa. Justeru, amat penting industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang komprehensif (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005).

2.4 KEPENTINGAN SENI DIDOKUMENTASIKAN

Menurut Paul Augustin (CENDANA 2021) yang merupakan pengasas Penang House of Music menyatakan bahawa mendokumentasikan muzik dan proses kreatif mempunyai kepentingan di masa hadapan. Antara kepentingannya adalah memudahkan penggiat seni untuk merujuk karya yang mereka telah lakukan di masa lampau. Dengan cara ini mereka boleh melihat perkembangan dari segi sejauh mana mereka telah capai, dimana ia boleh menjadi sumber galakan untuk penggiat seni itu sendiri. Dengan adanya dokumentasi ini, penggiat seni boleh melihat aspek-aspek yang telah diperbaiki dan aspek mana yang memerlukan mereka untuk bekerja lebih lagi, Selain itu, kepentingan mendokumentasikan seni adalah penggiat seni dapat belajar lebih banyak mengenainya. Hal ini membuatkan mereka mempunyai kefahaman yanglebob tinggi mengenai karya

seni mereka. Malah, dengan adanya pendokumentasian ini akan membolehkan penggiat seni lain belajar di masa hadapan (Chin Jian Wei, 2022).

Pada zaman dahulu, hanya kertas satu-satunya cara untuk mendokumentasikan kerjaya penggiat seni. Namun di zaman ini proses digitalisasi telah mengubah cara kita membuat pekerjaan. Dokumentasi muzik tidak pernah menjadi satu hal yang mudah. Ramai pemuzik baru telah memuat-naik muzik mereka di laman sosial media. Namun, adalah penting untuk sedar tentang beberapa perkara iaitu mereka harus sentiasa berjaga tentang jangka hayat atau batas waktu penyimpanan digital. Jika dokumentasi muzik seorang penggiat seni disimpan dalam komputer atau di dalam sebuah pemacu keras, anda mungkin berpotensi kehilangan data jika perkakas tersebut rosak atau hilang. Perkakas sememangnya akan dimakan waktu. Jika anda menyimpan salinan fizikal lirik lagu/ tulisan muzik, pastikan ia disimpan di tempat yang selamat untuk beberapa tahun mendatang (Chien Jian Wei, 2022)

3.0 METODOLOGI

Untuk kaedah yang akan digunakan dalam kajian penyelidikan ini, kami bercadang untuk menggunakan dua kaedah semasa sesi temubual bersama tokoh kami iaitu temubual sejarah lisan dan pendokumentasian. Hal ini kerana kaedah yang dipilih merupakan dua kaedah yang masih relevan untuk diguna pakai bagi mendapatkan maklumat tentang tokoh dengan tepat.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

3.1.1 Temubual Sejarah Lisan

Untuk kaedah yang akan digunakan dalam kajian penyelidikan ini, kami bercadang untuk melakukan sesi temubual bersama tokoh yang kami. Dengan melakukan sesi temubual ini, kami akan mendapat lebih banyak informasi tentang latar belakang tokoh. Hal ini kerana, kaedah menemubual membolehkan kita bertanya lebih banyak soalan dan lebih jelas. Selain itu, dengan menggunakan kaedah ini, ia dapat membuatkan tokoh yang akan ditemubual lebih berminat untuk bercerita dan menjawab setiap persoalan yang akan ditanyakan oleh pengkaji

semasa sesi temubual. Secara ringkasnya, kaedah temubual ini dikira sebagai kaedah sejarah lisan.

Kaedah sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang direkodkan semasa wawancara. Tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh itu, kaedah temubual sejarah lisan merupakan kaedah yang amat sesuai dalam projek penyelidikan pengkaji.

3.1.2 Pendokumentasian

Kaedah dokumentasi adalah cara pengumpulan data dengan menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah-masalah yang dibahaskan di dalam penulisan. Kaedah ini dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat daripada rujukan yang berbentuk dokumen, buku, keratan akhbar, majalah, majalah dan sebagainya agar ianya dapat memperkukuhkan lagi fahaman dan pengetahuan seseorang individu. Sebagai contoh, pengkaji juga boleh mendapatkan maklumat dan data yang lain berkaitan dengan tokoh yang masih relevan dengan penggunaan komputer pengkaji melalui kaedah ini.

3.2. PESERTA KAJIAN

Tengku Intan binti Tengku Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Dayangku Intan lahir 29 April 1966 merupakan seorang penyanyi dan ahli politik Malaysia. Dari kerjaya muziknya sekitar era 1980-an beliau terkenal dengan lagu 80-an "Semakin Rindu Semakin Sayang" kemudian pada 90-an "Berpaut Di Dahan Cinta", "Senandung Hari Raya Untukmu" dan dengan gandingannya bersama Jay Jay menerusi lagu "Kita Insan Biasa". Pada pilihan raya umum Malaysia 2013, beliau bertanding di parlimen Pengerang mewakili PKR. Selepas Pakatan Rakyat dibubarkan pada 2015 beliau undur diri dari politik dan keluar dari PKR pada tahun 2018.

Bapanya Tengku Abdul Hamid @ Tunku Abdul Hamid bin Tunku Ismail ialah anak kepada Tunku Ismail bin Tunku Yahaya berasal dari keluarga Di Raja Kedah beliau menjadi Menteri Besar Kedah ke-2. Dayangku Intan ialah anak kedua dalam empat adik beradik. Di lahirkan dan di besarkan di Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Perkahwinannya dengan Rosman Yahil berasal dari Johor dikurniakan seramai 4 orang cahaya mata.

Semasa kecil, beliau bersekolah rendah di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tsun Jin merupakan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang terletak di Jalan Perwira, Kg. Pandan. Kemudian, beliau meneruskan pengajian persekolahan menengahnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Confucian (Cf). Selain dari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris beliau juga fasih dalam bahasa Mandarin dan bahasa Kantonis.

Dayangku Intan merupakan salah seorang penyanyi wanita yang begitu popular pada separuh dekad akhir 80an. Terkenal dengan rangkaian lagu-lagu hits solo dan duet yang menjuarai carta radio-radio RTM malah pada tahun 1985, jualan albumnya antara terlaris di pasaran. Keupayaan vokal serak basah Dayang dalam menyampaikan lagu-lagu berentak slow rock dan pop rock amat dipuji dan disifatkan lain daripada lain. Ketika itu nama Dayang sebaris dengan artis-artis wanita hebat yang lain seperti Francissca Peter, Sheila Majid, Ramlah Ram, Azlina Aziz, Rohana Jalil dan Zaiton Sameon. Beliau juga terkenal dengan lagu- lagu duet bersama penyanyi lelaki popular seperti Jay Jay dan Zainal Abidin.

Beliau juga merupakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan bakat aktres tersohor negara yang digelar primadona filem Melayu Erra Fazira sebelum bergelar ratu cantik dan pelakon. Bakat nyanyian Erra juga dikesan oleh Dayang yang sering membawa Erra ke pertunjukan pentas. Biarpun bermula sebagai pelakon, impian Erra menjadi penyanyi tercapai apabila menyertai syarikat rakaman Polygram bersama-sama Dayang. Pada 2020 Dayang menubuhkan syarikat rakaman Senikita Studio bersama anaknya Rusyd Rosman.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kajian ini dilakukan dengan melaksanakan beberapa prosedur pengumpulan data bagi mendapatkan segala maklumat yang tepat. Prosedur pengumpulan data ini

dijalankan bagi menjayakan kajian penyelidikan temubual sejarah lisan agar segala maklumat yang disampaikan dapat pengkaji catatkan.

Antara prosedur pengumpulan data dalam temubual sejarah lisan ialah penetapan tema. Penetapan tema bagi kajian penyelidikan ini merupakan prosedur yang amat penting bagi pengkaji memulakan penyelidikan serta memudahkan kajian ini dilaksanakan. Penetapan tema ini membolehkan pengkaji untuk melakukan kajian yang lebih lengkap dan terperinci bagi mendapatkan segala maklumat berkaitan tokoh yang dipilih. Penetapan tema bagi penyelidikan ini bertemakan kearifan tempatan dimana pengkaji perlu melaksanakan kajian dengan memilih tokoh dalam kalangan artis veteran yang mempunyai pelbagai pengalaman menceburi dalam bidang industri seni muzik dan nyanyian. Malah, artis-artis veteran ini banyak memberi sumbangan dalam kalangan masyarakat dan negara.

Selain itu, prosedur pengumpulan data dapat dianalisis melalui pemerhatian. Pengkaji boleh membuat nota pemerhatian semasa tokoh kajian sedang berbincang mengenai sesuatu topik perbincangan. Kaedah ini boleh dilakukan dengan memerhatikan segala perkara yang berlaku sepanjang kajian ini dijalankan. Prosedur ini dijalankan mampu membantu pengkaji untuk memperoleh data dan isi maklumat tentang tokoh yang lebih mendalam.

Prosedur pengumpulan data dalam temubual sejarah lisan yang seterusnya ialah pencarian bahan maklumat. Melalui prosedur ini, data mengenai tokoh artis veteran ini boleh diambil daripada rangkaian internet, majalah dan juga laman sosial yang melakarkan kisah tokoh artis veteran tersebut. Pencarian maklumat ini penting dilakukan sebelum melaksanakan temubual sejarah lisan bersama tokoh pilihan bagi mendapatkan maklumat yang lebih banyak tentang tokoh. Hal ini sangat penting kerana maklumat yang diakses terlebih dahulu dapat membantu pengkaji dengan menyumbang bilangan soalan ketika temubual ini dilaksanakan malahan ia dapat memantapkan lagi temubual bersama tokoh kerana pengkaji dianggap sudah membuat penyelidikan terhadap diri mereka. Sebagai contoh, maklumat berkaitan artis veteran iaitu Dayangku Intan dapat diakses melalui laman sosial milik tokoh, laman web dan sebagainya.

3.4 CARTA GANTT PROJEK

Minggu Aktiviti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Konsultasi Bersama pensyarah														
Pembahagian kumpulan														
Perbincangan bersama ahli kumpulan														
Pemilihan tokoh dan tajuk														
Pemilihan Tarikh temubual awal														
Penyediaan Kertas kerja														
Penyediaan surat menyurat														
Mula menghubungi tokoh														
Melakukan Temubual awal														
Penyediaan soalan dan alatan														

Menentukan tarikh temu janji														
Temubual dijalankan														
Penghargaan dan pembentangan														

4.0 KESIMPULAN

Melalui strategi, teknik dan prosedur yang betul, kajian sejarah lisan ini akan berlangsung dengan lancar dan sempurna. Dengan usaha untuk mendapat ilmu dan pengetahuan baru melalui sejarah lisan, banyak maklumat dan bukti sejarah dapat diperolehi untuk digunakan oleh generasi baru untuk mengenal lebih mendalam terhadap sesuatu yang telah berlaku sebelum ini. Perolehan dan pendokumentasian bukti sejarah ini adalah sangat penting untuk dikekalkan apabila bukti adalah abadi manakala orang yang merasai pengalaman tersebut tidak akan kekal (Siti Roudhah Mohamad Saad et al., 2022). Dapat juga disimpulkan bahawa kajian sejarah lisan membantu dalam memberi kesahihan dan kepastian terhadap sesuatu maklumat yang sedia ada seperti di internet. Ini dapat mengelakkan salah faham dan ketidakpastian terhadap sesuatu maklumat yang tersebar. Sejarah lisan juga masih mempunyai batasan seperti kekurangan maklumat yang diceritakan, ketidakpastian dalam ingatan yang disampaikan, dan sebagainya. Namun, kita haruslah menggalakkan penggunaan kajian sejarah lisan sebagai rujukan yang berguna buat masyarakat (Siew, 2020). Oleh yang demikian, kajian sejarah lisan ini sangat penting dalam kehidupan masyarakat dan negara untuk memelihara sejarah dan peristiwa yang sudah berlaku. Diharapkan kajian sejarah lisan berkenaan industri seni di Malaysia akan berterusan demi memelihara kemajuan dan perkembangan buat generasi akan datang.

5.0 RUJUKAN

Conference: Regional Conference on Local KnowledgeAt: Pulau Jerejak, Penang

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Frank. P. (2004). *Preble's Artforms*. 8th ed. New Jersey: Pearson Education, Inc. Upper Saddle River.

Fariza Khalid. (n.d.). Objektif & Persoalan Kajian. Universiti Kebangsaan Malaysia, p.1-14.
[https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/persoalan_kajian .pdf](https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/persoalan_kajian.pdf)

Hassan, R. A. (2004). *Mengenali dan mentafsir sumber-sumber sejarah*. Karisma Publications.

Ibrahim, N.S. (2019). Aplikasi Teknik "Repetition Exercise" oleh Sanford Meisner dalam Lakonan: Analisis Terhadap Lakonan Watak Utama-Pey Arghh! Culture Centre University of Malaya Kuala Lumpur.
[http://studentsrepo.um.edu.my/10798/1/Normiha Suraya Ibrahim %E2%80%93 Dissertation.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/10798/1/Normiha_Suraya_Ibrahim_%E2%80%93_Dissertation.pdf)

Iqa, (n.d). Definisi Seni dan Kehidupan. <https://www.scribd.com/doc/222589135/Definisi-Seni-Dan-Kebudayaan>

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29. https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf

Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasdan, J. (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(1), 3-16. <https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/jatma-2020-0801-01.pdf>

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia. (2005). Kuala Lumpur: Ministry of Culture, Arts and Heritage of Malaysia Press

- Mahmud, F. S. Sallehuddin, S. M. (2021). Artis veteran susut nilai. BH, New Straits Times Press (M) Bhd. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>
- Mohamad Hafiz bin Yahaya (2018). Seni dalam Kehidupan, Kehidupan dalam Seni. Ideology, 3(4) pp. 59-63, 2019
- Mohamed Imran Mohamed Taib (2008). Seni, Sastera dan Budaya dalam Cerminan Masyarakat. <https://www.thereadinggroup.sg/Articles/Seni,%20Sastera%20dan%20Budaya%20dalam%20Cerminan%20Masyarakat.pdf>
- Moss, C. (2014). Importance of Oral History in The Conservation of Anglo-Indian Culture. *International Journal of Anglo-Indian Studies*, 14(1), pp. 17-30. Retrieved from www.international-journal-of-anglo-indian-studies.org
- Nadzan Haron. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. <http://journalarticle.ukm.my/520/1/1.pdf>
- Nanang Ganda Prawira (n.d). Kesenian dalam pendekatan kebudayaan. [http://file.upi.edu/Direktori/FPSD/JUR. PEND. SENI RUPA/196202071987031-NANANG GANDA PRAWIRA/KSENIAN.pdf](http://file.upi.edu/Direktori/FPSD/JUR._PEND._SENI_RUPA/196202071987031-NANANG_GANDA_PRAWIRA/KSENIAN.pdf)
- Naqeeuddin (2017). Kepentingan mempertahankan unsur-unsur kebudayaan. Blog. <http://naqeeuddin18.blogspot.com/2017/08/kepentingan-mempertahankan-unsur-unsur.html>
- Noor, K.M. (2009). Jadilah "Role-model" yang sempurna. <http://khairunneezam.blogspot.com/2009/03/jadilah-role-model-yang-sempurna.html#>
- Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2011). Hallyu di Malaysia: Kajian Sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi*, 27(2), pp 203-219. Chrome extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/http://journalarticle.ukm.my/3258/1/V27_2_11.pdf
- Oelofse, M., & de Bruyn, D. (2004). The importance of oral history in a transforming South Africa. *Southern Journal for Contemporary History*, 29(1), 151-169. Retrieved from <https://journals.ufs.ac.za/index.php/jch/article/view/407>
- Pattipeilohy, E., M. (2015). Citra diri dan Popularitas artis. *Jurnal Kajian Komunikasi*, 3(1), pp. 22-23. Doi: 10.24198/jkk.v3i1.7390

- Seow, H., L. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ? *Sejarah Lisan*. Doi: 10.13140/RG.2.2.27531.31527
- Sing, K., L. (n.d) SJHK 3043 Sejarah Lisan dan Dokumentasi - Ulasan Kritis Perdebatan Aliran Thomson vs Aliran Rankee
[https://www.academia.edu/31941120/SJHK 3043 Sejarah Lisan dan Dokumentasi Ulasan Kritis Perdebatan Aliran Thomson vs Aliran Rankee](https://www.academia.edu/31941120/SJHK_3043_Sejarah_Lisan_dan_Dokumentasi_Ulasan_Kritis_Perdebatan_Aliran_Thomson_vs_Aliran_Rankee)
- Siti Roudhah Mohamad Saad et.al. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. *Jurnal PPM*, 6, pp. 63-76. [http://eprints.usm.my/34074/1/10 Radia 12.pdf](http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)
- Wei, C.J. (2022). Kepentingan Mendokumentasi Muzik. Cultural Economy Development Agency (CENDANA). <https://www.cendana.com.my/ace-hab/knowledge-resources/articles/kepentingan-mendokumentasi-muzik>